

APRIL 2024

# NADI SUKARELWAN





**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan,  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3,  
70300 Seremban, Negeri Sembilan,  
Malaysia Phone: 606-6342000, Faks: 606-6335813

Tiada sebarang bahagian daripada penulisan ini boleh diubah, disalin, diedarkan semula, disiarkan, dipaparkan, diterbitkan, dilisensikan, dipindahkan, dan dijual dalam apa jua bentuk tanpa mendapat kebenaran bertulis oleh ketua penyunting.

**Penafian:**

Sebarang maklumat dalam penulisan ini adalah pendapat peribadi dan pengetahuan oleh penulis artikel tersebut. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pendapat profesional sebelum mengikuti sebarang maklumat dalam penulisan ini. Pihak universiti, fakulti, penerbit dan barisan penyunting tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISBN : 978-629-99383-2-3

Tarikh Diterbitkan: 30 April 2024

# BARISAN PENULIS DAN PENYUNTING



## KETUA PENULIS & PENYUNTING

**RAZIF BIN SAZALI**

Pensyarah


Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
UiTM Kampus Seremban  
[razifsazali@uitm.edu.my](mailto:razifsazali@uitm.edu.my)



## PENULIS & PENYUNTING

**MAI DHANIAH MEOR AB. RAHIM**

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
UiTM Kampus Seremban



## PENULIS & PENYUNTING

**SITI AIDA LAMAT**

Pensyarah

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
UiTM Kampus Seremban

# **BARISAN PENULIS DAN PENYUNTING**



## **PENULIS & PENYUNTING**

**DR. MOHAMAD FIRDAUS AHMAD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
UiTM Kampus Seremban



## **PENULIS & PENYUNTING**

**NUR SYAZWANI ZULAIKHA SAFWAN**

Pensyarah PTFT

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
UiTM Kampus Seremban



# SEKALUNG BUDI

# Ucapan Timbalan Rektor HEP

## UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dariNya, acara KARiSMA 2024 yang gilang-gemilang telah berjaya dilaksanakan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan sebagai tuan rumah. Izinkan saya menzahirkan ucapan terima kasih yang tulus kepada setiap individu yang telah menyertai dan menyumbang kepada kejayaan acara KARiSMA 2024. Acara ini telah menjadi wadah untuk menonjolkan bakat, kreativiti, dan semangat kepimpinan dalam kalangan mahasiswa UiTM.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sekretariat Sukarelawan yang telah bekerja keras dalam menggerakkan acara ini dengan sempurna. Usaha dan komitmen yang diberikan untuk memastikan kelancaran acara ini cukup membanggakan. Kerjasama yang diperlihatkan di antara ahli sekretariat sukarelawan adalah contoh terbaik bagi semua untuk diteladani.



Terima kasih atas sumbangan kalian yang penuh dedikasi dalam memberikan bantuan dan sokongan. Tanpa semangat sukarelawan dan kesediaan untuk memberi masa dan tenaga, pencapaian rekod terbaik bagi pengendalian acara ini tidak akan menjadi kenyataan. Kejayaan KARiSMA 2024 bukan hanya merupakan kejayaan bagi individu-individu yang terlibat, tetapi juga untuk Universiti Teknologi MARA (UiTM) secara keseluruhannya. Ia menunjukkan semangat kebersamaan dan kesungguhan di kalangan kita terutamanya mencerminkan mahasiswa yang telah menjawai DNA UiTM berasaskan Pemikiran, Emosi, Semangat, Aspirasi dan Tingkah Laku, dengan berinspirasikan komponen moto Usaha Taqwa Mulia (UTAMA) ke arah memartabatkan institusi kita.

Saya berharap bahawa semangat ini akan terus mengalir dalam setiap usaha dan pencapaian masa depan UiTM. Semoga kita terus bersatu dan berusaha ke arah keunggulan yang lebih tinggi dan memastikan UiTM berada di tangga terbaik institusi tanahair. Sekali lagi, ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas komitmen dan usaha semua pihak yang terlibat. Semoga Allah SWT memberkati setiap langkah kita.

Terima kasih.

YBrs. Encik Mohd Zulhilmi  
Mohd Yunus

# Ucapan Ketua Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan

## KARiSMA kali ke-29, 2024

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera,

Tahniah kepada UiTM Cawangan Negeri Sembilan, buat julung kali telah berjaya menjadi tuan rumah untuk mengelolakan acara sukan tahunan kebanggaan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola yang telah memberi kepercayaan kepada saya dan AJK Sekretariat & Sukarelawan untuk membantu menguruskan penglibatan seramai 230 orang sukarelawan KARiSMA kali ke-29, 2024. Ucapan penghargaan yang tulus kepada setiap individu dan pihak yang telah berperanan dalam menjayakan karnival mahasiswa UiTM kali ini.

Tambahan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan yang telah bersama-sama mengorak langkah perancangan dan melaksanakan setiap aspek keperluan bagi persiapan sukarelawan dalam membantu menjayakan acara ini. Usaha bersama anda telah menghasilkan acara yang luar biasa dan bermakna bagi semua pihak yang terlibat.

Kepada pelajar yang telah terlibat sebagai sukarelawan UiTM, terima kasih atas semangat dan kesungguhan anda dalam memberikan sokongan dan bantuan. Sumbangan anda telah menjadi unsur penting dalam menjamin kelancaran dan kejayaan acara ini. Keterlibatan anda tidak hanya mencerminkan semangat kebersamaan, tetapi juga kecintaan anda kepada universiti dan komuniti setempat. Semoga pengalaman menyumbang kepada universiti sendiri akan menjadi pengalaman dan memori beharga sebagai bekalan awal sebelum masuk alam pekerjaan.



Cik Siti Aida Lamat

Tidak lupa, kepada rakan-rakan industri dari Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN). Terima kasih atas sokongan yang diberikan dalam mewujudkan suasana yang kondusif untuk perkembangan dan pengurusan acara-acara berkualiti seperti KARiSMA 2024.

Selain itu, kepada penaja sistem bersepodu pengurusan sukarelawan (VMIS) iaitu Syarikat MBAS TECH PLT, terima kasih atas penajaan sepenuhnya sistem VMIS dan sokongan teknikal yang telah diberikan sepanjang kejohanan berlangsung. Sumbangan beharga ini telah memberi impak yang positif kepada pengurusan sukarelawan secara keseluruhan dengan lebih efisyen dan efektif.

Kolaborasi dan kerjasama yang terjalin antara UiTM dan pihak industri merupakan langkah positif dalam memperkuatkan hubungan antara universiti dan pihak berkuasa berkaitan. Semoga kerjasama ini akan terus berkekalan dan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Sumbangan dan sokongan anda tidak akan dilupakan dan ia menjadi titik tolak yang amat penting dalam perjalanan kejayaan KARiSMA 2024.

Sekian, terima kasih.

Salam Sukarelawan,

# ISI KANDUNGAN

• JAWATANKUASA SEKRETARIAT & SUKARELAWAN KARISMA KALI KE-29, 2024	1
• VMIS: PENERAJU SISTEM SUKARELAWAN SUKAN NEGARA	4
• PERJALANAN DINAMIK JAWATANKUASA SEKRETARIAT SUKARELAWAN KARISMA 2024: MEMUPUK SEMANGAT KEBAJIKAN MASYARAKAT	6
• TRANSFORMASI DIGITAL: LATIHAN TOT JAWATANKUASA SUKARELAWAN SEBAGAI PENYELESAIAN UTAMA	8
• SUKARELAWAN KARISMA: MENITI PERJALANAN PENDEDAHAN TUGAS MELALUI LATIHAN UMUM	12
• BIDANG TUGAS DAN PECAHAN SUKARELAWAN KARISMA 2024	14
• SUMBANGAN TANPA BATASAN: PAKAIAN #BAJUBARN MENYINARI KEBERANIAN SUKARELAWAN	15
• PENGLIBATAN KOMANDER DALAM SUKAN KARISMA 2024 SEBAGAI SUKARELAWAN	17
• SUKARELAWAN KOMANDER KESATRIA: DARI PADANG KAWAD KE GELANGGANG SUKAN MAHASISWA (KARISMA) 2024	19
• MENJAYAKAN TRANSFORMASI MELALUI SUKAN DAN SUKARELAWAN	21
• SUKARELAWAN JAYAKAN PERASMIAN DAN PENUTUP KARISMA 2024	24
• NURAIN DINOBATKAN SEBAGAI SUKARELAWAN CEMERLANG	25
• KESUKARELAWANAN: ANTARA MINAT DAN IBADAH	26
• SUKARELAWAN UNIT KESIHATAN NADI SUKAN KARISMA	29
• DARI SUKARELAWAN MSSM KE KARISMA	32
• MINAT MENJADI SUKARELAWAN DIPUPUK SEJAK DARIPADA BANGKU SEKOLAH	33
• DEDIKASI SEORANG SUKARELAWAN	35
• DARI SABAH KE NEGERI SEMBILAN: MENYEMAI SEMANGAT SUKARELAWAN	36
• MELANGKAH DENGAN KEIKHLASAN: KISAH PENGALAMAN SUKARELAWAN	37
• KOMANDER & SUKARELAWAN SUKAN DI KARISMA	39
• PENGALAMAN SUKARELAWAN YANG MEMBENTUK IDENTITI	41
• MENJEJAK PENGALAMAN SUKARELAWAN DALAM KARISMA	43
• GALERI KENANGAN SUKARELAWAN	45

# AHLI JAWATANKUASA SEKRETARIAT & SUKARELAWAN KARISMA KALI KE-29, 2024

01

## Barisan Ahli Jawatan Kuasa



JAWATANKUASA KECIL SEKRETARIAT & SUKARELAWAN KARISMA KALI KE-29, 2024

BIL	AJK	SKOP TUGAS	NAMA JK	CATATAN
1.	Penceramah	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ Menyediakan modul</li><li>✓ Pengendalian bengkel</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. En. Muhammad Bin Md Yusof</li><li>2. Cik Siti Aida Binti Lamat</li><li>3. En. Azizol Bin Duralim</li></ul>	(3 ORANG)
2.	Fasilitator	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ Pengendalian modul bersama penceramah</li><li>✓ Penyediaan dan agihan kit</li><li>✓ Penyediaan dan agihan kad akreditasi</li><li>✓ Pendaftaran sukarelawan</li><li>✓ Supervisor leader</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. En. Amrun Haziq Bin Abidin</li><li>2. Cik Athirah Hani Binti Hussin</li></ul>	(2 ORANG)
3.	Teknikal Sistem	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ Setup sistem</li><li>✓ Helpdesk sistem</li><li>✓ Pemantauan sistem</li><li>✓ Latihan penggunaan sistem</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. En. Hairul Anuar Bin Masrol</li><li>2. Pn. Shahada Binti Hamid</li></ul>	(2 ORANG)
4.	Logistik dan lokasi	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ Menyediakan peralatan</li><li>✓ Menyediakan pengangkutan</li><li>✓ Tempahan bilik / dewan latihan</li><li>✓ Menyediakan Siaraya</li><li>✓ Menguruskan jamuan makan sukarelawan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Pn. Sharifah Maimunah Syed Mud Puad</li><li>2. Pn. Nurul Ain Abu Kasim</li></ul>	(2 ORANG)
5.	Media & Publisiti	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ Menyediakan peralatan fotografi dan videografi</li><li>✓ Menguruskan rakaman foto dan video aktiviti sukarelawan</li><li>✓ Menguruskan platform media sosial sukarelawan dan portal rasmi sukarelawan</li><li>✓ Menerbitkan buletin harian sukarelawan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. En. Razif Bin Sazali</li><li>2. Cik Mai Dhaniah Bt Meor Ab. Rahim</li></ul>	(2 ORANG)
6.	Helpdesk	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ Mengendalikan sistem helpdesk</li><li>✓ Menguruskan aduan dan maklumbalas sukarelawan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Dr. Mohamad Firdaus Ahmad</li><li>2. Cik Nur Syazwani Zulaikha Binti Safwan</li></ul>	(2 ORANG)
7.	Sukarelawan & Volunteer Leader	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ Menyelaras penyertaan sukarelawan</li><li>✓ Menyelaras latihan volunteer leader</li><li>✓ Menyelaras jadual tugas sukarelawan</li><li>✓ Analisa rekod taburan kehadiran sukarelawan</li><li>✓ Pengurusan VL (lantikan, kehadiran, gantian)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. En. Muhammad Affandi Bin Ahmad</li><li>2. En. Al-Arif Johan Bin Mohd Sabri</li></ul>	(2 ORANG)

DISEDIAKAN OLEH: SITI AIDA BINTI LAMAT (KETUA JK SEKRETARIAT & SUKARELAWAN)  
Dikemaskini: 4/12/2023

Activate Window

Go to Settings to activate

**02**

## Lokasi Pertandingan

**Lampiran C**

UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

BIL	SUKAN	LOKASI PERTANDINGAN	JUMLAH HARI
1	Badminton	NZ Badminton Arena, Port Dickson	5
2	Bola Baling	UiTM Kampus Seremban	5
3	Bola Jaring	Kompleks Sukan Negeri, Paroi	3
4	Bola Keranjang	Dewan Basketball Dato' Lim Lee Seng, Port Dickson	5
5	Bola Tampar	Kompleks Sukan Negeri, Paroi	4
6	Catur	UiTM Kampus Rembau	4
7	Petanque	Kompleks Sukan MSN, Seremban 2	5
8	Ping Pong	UiTM Kampus Rembau	3
9	Berbasikal	UiTM Kampus Kuala Pilah	2
10	Sepak Takraw	Dewan Sepak Takraw, Kem Rasah Seremban	5
11	Tenis	Kompleks Belia & Sukan, Paroi (KOMBES)	5

**03**

## Barisan Penyelaras Permainan



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

### PENYELARAS PERMAINAN

Karnival Sukan Mahasiswa (KARiSMA) 2024 Kali Ke-29 (XXIX)

BIL	SUKAN	NAMA	JAWATAN	KAMPUS
1	Badminton	Encik Mohd Nor Al Amin Bin Mohd Sani	Pembantu Asrama	K.Pilah
2	Catur	Cik Malisyah Jamal Abdul Nasir	Pembantu Pustakawan Kanan	Rembau
3	Bola Jaring	Puan Halimah Binti Mohamad Zahari	Pembantu Pustakawan Kanan	K.Pilah
4	Bola Keranjang	Mohd Azuan Bin Baharum Shah	Pembantu Kemahiran	K.Pilah
5	Bola Tampar	Dr. Mu'adz Ahmad Mazian	Pensyarah Kanan	K.Pilah
6	Bola Baling	Encik Mohd Khairul Nizam Mohd Khalid	Pembantu Kemahiran	K.Pilah
7	Petanque	Encik Mohd Hasbul Bin Zainurin	Polis Bantuan	ILD
8	Ping Pong	Encik Umar Bin Mohamad Zin	Pen. Peg. Teknologi Maklumat	K.Pilah
9	Berbasikal	Encik Mohd Faizal Bin Mohd Rejab	Pembantu Tadbir	Seremban
10	Sepak Takraw	Encik Muhsein Bin Ahmad	Penolong Jurutera Elektrik	K.Pilah
11	Tenis	Encik Mohammad Bastyian Mahmud	Pensyarah Kanan	Seremban



JADUAL UMUM KARISMA 2024

BIL	TARIKH /ACARA	FEBRUARI / MAC 2024									JUMLAH HARI	JUMLAH PINGAT	LOKASI PERTANDINGAN	
		25		26		27	28	29	1	2	3	4		
		AHD	ISN	SEL	RAB	KHA	JUM	SAB	AHD	ISN				
1.	Majlis Perasmian	Daftar Masuk Kontinjen UiTM Kampus Seremban / Rembau Taklimat Kontinjen, Mesyuarat Pengurus Pasukan / Latihan Pasukan		★									Dewan Biduanda, UiTM Kampus Rembau NZ Badminton Arena, Port Dickson UiTM Kampus Seremban Kompleks Sukan Negeri, Paroi Stadium Bola Keranjang, Lim Lee Seng, Port Dickson Kompleks Sukan Negeri, Paroi UiTM Kampus Rembau Kompleks Sukan MSN, Seremban 2 UiTM Kampus Rembau UiTM Kampus Kuala Pilah Dewan Sepak Takraw, IKTBN Chembong Kompleks Belia & Sukan Paroi (KOMBES) Dewan Biduanda, UiTM Kampus Rembau	
2.	Badminton		LP											
3.	Bola Baling		LP											
4.	Bola Jaring			LP										
5.	Bola Keranjang			LP										
6.	Bola Tampar			LP										
7.	Catur				LP									
8.	Petanque			LP										
9.	Ping Pong				LP									
10.	Berbasikal			LP										
11.	Sepak Takraw					LP								
12.	Tenis			LP										
13.	Majlis Penutupan									★				


Petunjuk:

TK – Taklimat Kontinjen 10.00 pagi / Pusat Kegiatan Pelajar (PKP) UiTM Kampus Seremban  
 MPP – Mesyuarat Pengurus Pasukan 11.00 pagi / Pusat Kegiatan Pelajar (PKP) UiTM Kampus Seremban  
 LP – Latihan Pasukan Mengikut lokasi pertandingan

Majlis Perasmian jam 8.00 malam di Dewan Biduanda, UiTM Kampus Rembau  
 Majlis Penutupan jam 11.00 pagi di Dewan Biduanda, UiTM Kampus Rembau  
 Majlis Penyampaian Hadiah:

Tarikh Kemaskini: 6 Februari 2024

# VMIS: PENERAJU SISTEM PENGURUSAN SUKARELAWAN PENGANJURAN SUKAN




The screenshot shows the VMIS login interface. At the top right is the VMIS logo with 'PLUS' in green. Below it is a 'Log Masuk' button. The form has fields for 'E-mel anda' (Email) and 'Katalaluan' (Password). There are 'Remember me' and 'Lupa Kata Laluan?' links, and a large blue 'LOGIN' button at the bottom. Below the form are links for 'Tiada Akaun? DAFTAR SEKARANG' (No account? SIGN UP NOW) and 'Kembali ke Portal' (Return to Portal).

Kemajuan teknologi terus melonjak pesat dalam memberikan impak positif terutama dalam sektor sukarelawan. Syarikat MBAS TECH PLT sebagai peneraju dalam bidang teknologi telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kegunaan dan kelancaran pengurusan sukarelawan pada KARISSMA kali ke-29, 2024. Salah satu sumbangan utama mereka adalah melalui penajaan sistem “Volunteer Management Integrated System” (VMIS) bagi sukan mahasiswa UiTM tahun ini.

## KEMAJUAN DALAM PENGURUSAN SUKARELAWAN

Sukarelawan dikenali sebagai “front liner” bagi memastikan kejayaan sesebuah kejohanan atau temasya sukan. Dengan penekanan yang semakin meningkat terhadap kesedaran sosial dan tanggungjawab korporat, sukarelawan telah menjadi tulang belakang banyak organisasi kebajikan dan acara sukan. Oleh yang demikian, Syarikat MBAS TECH PLT telah mengambil inisiatif dalam menyokong sektor sukarelawan dengan memperkenalkan sistem VMIS bagi KARISSMA 2024. Sistem ini memainkan peranan penting dalam melancarkan pengurusan sukarelawan bermula dari aspek pendaftaran, agihan kit, agihan bidang tugas dan pemantauan prestasi sukarelawan sepanjang kejohanan berlangsung serta pelaporan automatik yang boleh dijana pada bila-bila masa.





## KELEBIHAN SISTEM VMIS

- **Pendaftaran Mudah:** Sistem ini menyediakan paparan pengguna yang mesra dan proses pendaftaran sukarelawan yang lebih mudah. Calon sukarelawan dapat mendaftar secara atas talian dengan lancar serta mengurangkan kerumitan proses.
- **Proses pengagihan kit:** Lebih sistematis dengan menggunakan konsep QR code dan paparan rekod pada *real time*.
- **Penugasan yang Tepat:** MBAS TECH PLT memahami kepentingan menempatkan sukarelawan pada bidang tugas yang sesuai dengan kemahiran mereka. Sistem VMIS ini menggunakan algoritma pintar untuk menilai kebolehan dan minat sukarelawan serta memastikan penugasan yang lebih tepat dan efisien.
- **Pemantauan Prestasi:** Antara kelebihan utama sistem ini adalah kemampuannya untuk memantau prestasi sukarelawan secara terperinci. Ini membantu pihak pengurusan mengenali pencapaian, menyediakan paparan maklumbalas, dan pengurusan pertanyaan yang lebih strategik.
- **Pelaporan Automatik:** Sistem VMIS secara automatik dapat menghasilkan laporan berkala yang memudahkan pihak pengurusan dalam membuat analisis prestasi dan membuat keputusan strategik bagi program-program sukarelawan.

## IMPAK PENGURUSAN SUKARELAWAN TERHADAP KARISMA 2024

1. **Peningkatan Efisiensi:** Dengan sistem VMIS yang diperkenalkan oleh MBAS TECH PLT, KARISMA 2024 menyaksikan peningkatan efisiensi dalam pengurusan sukarelawan. Proses yang automatik mengurangkan beban kerja pihak pengurusan serta membolehkan mereka memberi tumpuan kepada aspek strategik dan pembangunan program sukarelawan.
2. **Pertumbuhan Pesat Pendaftaran:** Antara paparan pengguna yang mesra dan proses pendaftaran yang mudah telah menarik lebih ramai sukarelawan untuk menyertai KARISMA 2024. Hal ini memberi peluang kepada acara tersebut untuk berkembang dengan lebih pesat.
3. **Pemantauan Prestasi yang Efektif:** Sistem VMIS memudahkan pihak pengurusan dalam melihat pencapaian sukarelawan secara individu dan kolektif. Ini membantu dalam memberi pengiktirafan dan memberikan insentif kepada mereka yang memberikan sumbangan yang luar biasa.

## PENUTUP

Melalui penajaan sistem VMIS untuk KARISMA kali ke-29, 2024, MBAS TECH PLT tidak hanya sekadar membekalkan teknologi, tetapi turut serta membentuk landskap sukarelawan yang lebih lestari dan efisien. Peningkatan dalam pengurusan sukarelawan tidak hanya memberikan manfaat kepada acara tersebut, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih bersatu dan berkesan.

# **PERJALANAN DINAMIK JAWATANKUASA SEKRETARIAT & SUKARELAWAN KARiSMA KALI KE-29, 2024: MEMUPUK SEMANGAT KEBAJIKAN MASYARAKAT**

Mesyuarat Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan KARiSMA KALI KE-29, 2024 telah menjadi sumber inspirasi, kerjasama yang berkekalan dan kejayaan yang tidak ternilai. Dengan perjalanan yang dimulakan sejak 26 Oktober 2023, jawatankuasa ini telah melaksanakan mesyuarat dengan penuh semangat dan tekad untuk menjayakan program sukarelawan yang besar ini.

## **26 Oktober 2023: Permulaan Penuh Semangat**

Mesyuarat pertama yang berlangsung pada 26 Oktober 2023, telah memberikan jangkaan tinggi untuk perjalanan Jawatankuasa Sekretariat Sukarelawan KARiSMA 2024. Dalam suasana yang penuh semangat, ahli jawatankuasa membincangkan strategi pelaksanaan dan memetakan rancangan bagi program sukarelawan yang bakal memberi impak kepada pelbagai segmen masyarakat.

## **4 Disember 2023: Perkembangan dan Cabaran**

Dua bulan kemudian, pada 4 Disember 2023, jawatankuasa bersama-sama menilai perkembangan dan menghadapi cabaran yang dihadapi. Keperluan untuk menggerakkan sumber daya dengan bijak dan menyelaraskan usaha sukarelawan menjadi fokus perbincangan. Kejayaan dalam mendepani cabaran ini membuktikan komitmen jawatankuasa terhadap keberkesanan program sukarelawan.

## **10 Januari 2024: Persediaan yang Matang**

Seiring peningkatan momentum, mesyuarat pada 10 Januari 2024 menandakan penyiapan penuh jawatankuasa menjelang pelaksanaan program sukarelawan KARiSMA 2024. Perincian terakhir dirangka dan tugas-tugas diperbaharui mengikut perubahan keadaan semasa. Semangat kebersamaan dan dedikasi terpancar jelas dalam setiap keputusan yang diambil.



## **12 Januari 2024: Menuju Kejayaan**

Pada 12 Januari 2024, jawatankuasa mengemas kini pelaksanaan program sukarelawan serta gerak kerja sukarelawan. Kesediaan untuk menghadapi sebarang situasi telah dipertingkatkan dan semua anggota jawatankuasa menyatakan komitmen mereka untuk menyumbangkan yang terbaik bagi kejayaan KARiSMA 2024.

## **Antara Cabaran dan Kejayaan yang Menanti**

Perjalanan Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan KARiSMA 2024 menampilkan komitmen dan semangat yang membanggakan. Dengan setiap mesyuarat, jawatankuasa melangkah lebih dekat ke arah mencapai matlamat mereka untuk memberi impak positif kepada masyarakat. Kejayaan program sukarelawan ini akan menjadi bukti keperihatinan dan keberkesanannya usaha berpasukan dalam Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan KARiSMA 2024.





# TRANSFORMASI DIGITAL: LATIHAN TOT JAWATANKUASA SUKARELAWAN SEBAGAI PENYELESAIAN UTAMA

Sejalan dengan perubahan dinamik dalam era sukarelawan, pada 14 Februari 2024 telah berlangsungnya Latihan TOT Jawatankuasa Sukarelawan melalui atas talian. Keperluan untuk melatih jawatankuasa sukarelawan menjadi semakin mendalam dan teknologi-berfokus sebagai dalam usaha untuk memperkuatkan kecekapan pengurusan sukarelawan, membantu Jawatankuasa Sukarelawan untuk menyusun jadual latihan yang progresif dan holistik. Dengan fokus utama pada aspek teknologi dan pengurusan sukarelawan, jadual latihan ini membentuk landasan yang kukuh bagi meningkatkan kesediaan jawatankuasa menghadapi cabaran semasa.

## Modul 1: Pengenalan Pengurusan Sukarelawan

Modul ini bertujuan memberikan asas utama kepada ahli jawatankuasa dalam pemahaman konsep asas pengurusan sukarelawan. Dalam modul ini, ahli jawatankuasa akan mendalami elemen-elemen utama termasuk etika sukarelawan, pengenalan kepada kerangka kerja organisasi, dan strategi penglibatan sukarelawan. Menerapkan nilai dan etika sukarelawan sebagai aspek utama, modul ini membekalkan ahli jawatankuasa dengan pemahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip moral yang perlu dipegang teguh dalam konteks sukarelawan.

Selain itu, mereka akan diperkenalkan kepada struktur organisasi sukarelawan dan bagaimana pengetahuan ini dapat diterjemahkan menjadi tindakan yang memberi impak. Sebagai tambahan, modul ini akan menggali peranan dan tanggungjawab jawatankuasa sukarelawan, memberi penekanan kepada peranan mereka dalam membentuk dan mengarahkan inisiatif sukarelawan. Dengan itu, diharapkan ahli jawatankuasa akan mempunyai pengetahuan yang kukuh untuk mengendalikan pengurusan sukarelawan dengan lebih efektif dan berkesan.



## **Modul 2: Pengurusan Pengoperasian Sukarelawan Sukan**

Modul kedua, yang dikenali sebagai "Pengurusan Pengoperasian Sukarelawan Sukan," mengarahkan tumpuan kepada aspek operasi sukarelawan yang berkaitan dengan acara sukan. Ini merangkumi perancangan menyeluruh, pelaksanaan strategik, dan penilaian cermat terhadap program sukarelawan, bertujuan untuk menjamin kelancaran dan kejayaan setiap acara sukan yang dianjurkan.

Dalam modul ini, peserta akan mendapat pendedahan kepada tiga aspek penting:

**Pemilihan dan Penempatan Sukarelawan:** Meneroka proses penilaian dan pemilihan sukarelawan yang sesuai dengan keperluan dan kebolehan mereka. Peranan dan tanggungjawab sukarelawan akan ditentukan dengan teliti untuk memastikan setiap individu menyumbang secara maksimum kepada acara sukan.

**Penyediaan Logistik dan Komunikasi:** Memahami kepentingan penyediaan logistik yang cekap dan komunikasi yang berkesan dalam konteks acara sukan. Ini melibatkan pengurusan peralatan, kemudahan, dan teknologi untuk memastikan semua sukarelawan berada dalam persekitaran yang kondusif untuk melaksanakan tugas mereka.

**Pengurusan Krisis dan Penyelesaian Masalah:** Memperkuat keupayaan untuk menguruskan situasi krisis dan menyelesaikan masalah secara proaktif. Peserta akan diberi panduan tentang langkah-langkah yang perlu diambil dalam mengatasi cabaran yang mungkin timbul semasa pelaksanaan acara sukan, serta cara berkomunikasi dengan efektif dalam keadaan yang mencabar.

Dengan penekanan pada aspek-aspek ini, diharapkan peserta modul ini akan memiliki pemahaman yang mendalam tentang bagaimana menguruskan operasi sukarelawan dalam konteks acara sukan, memberikan kesan positif terhadap keseluruhan pengalaman sukarelawan dan kejayaan acara sukan tersebut.

### **Modul 3: Modul Pengurusan Sukarelawan Sukan (VMIS)**

Modul 3, iaitu Modul Pengurusan Sukarelawan Sukan (VMIS), merangkumi aspek penting dalam memperkuuhkan kecekapan jawatankuasa sukarelawan. Sebagai antara modul utama dalam jadual latihan ini, ia menjadi teras kepada keberhasilan pengurusan sukarelawan secara keseluruhan. MBAS TECH PLT memainkan peranan penting sebagai penyokong utama untuk memastikan jawatankuasa memahami dan menguasai teknologi terkini dalam pengurusan sukarelawan.

#### **Pemahaman Asas Sistem VMIS**

Modul ini memberikan pendedahan mendalam terhadap asas-asas Sistem VMIS, merentasi prinsip-prinsip asas hingga kepada aplikasi praktikal. Peserta akan dibekalkan dengan pengetahuan menyeluruh mengenai fungsi dan kelebihan sistem ini, membentuk landasan kukuh untuk pelaksanaan berkesan.

#### **Pendaftaran Sukarelawan secara Dalam Talian**

Pendaftaran sukarelawan secara dalam talian menjadi tonggak kepada efisiensi dalam pengurusan sukarelawan. Dalam modul ini, peserta akan mempelajari proses pendaftaran yang mudah dan pantas, serta kelebihan penyimpanan data secara terpusat untuk memudahkan pengelolaan maklumat sukarelawan.

#### **Penggunaan Algoritma Pintar dalam Penugasan Sukarelawan**

Teknologi terkini yang disertakan oleh MBAS TECH PLT melalui Sistem VMIS membawa kepada pemahaman asas penggunaan algoritma pintar dalam penugasan sukarelawan. Peserta akan didedahkan kepada strategi penugasan yang berfokus pada kemahiran dan minat sukarelawan, meningkatkan keserasian dan kepuasan sukarelawan.

#### **Pemantauan Prestasi dan Pelaporan Automatik**

Modul ini menekankan pentingnya pemantauan prestasi sukarelawan sebagai aspek utama dalam peningkatan dan penilaian keseluruhan program sukarelawan. Peserta akan mempelajari cara menggunakan alat pemantauan prestasi dan sistem pelaporan automatik untuk memahami pencapaian sukarelawan secara holistik.

Dengan penekanan yang kukuh pada Modul 3, jawatankuasa sukarelawan diharapkan dapat memanfaatkan sepenuhnya kelebihan teknologi terkini untuk mencapai matlamat kesukarelawanan yang lebih efisien dan impak yang lebih besar.

### **Penutup: Kesinambungan dan Keterlibatan Komuniti**

Latihan ini bukan hanya sekadar satu-satunya usaha untuk meningkatkan kecekapan jawatankuasa sukarelawan. Program kesinambungan dan keterlibatan komuniti akan terus diperkuuhkan, membolehkan jawatankuasa mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh. Dengan inisiatif ini, diharapkan jawatankuasa sukarelawan tidak hanya akan mampu menguruskan sukarelawan dengan lebih cekap tetapi juga menjadi penggerak utama dalam mewujudkan impak positif dalam masyarakat.



The image shows a mobile phone displaying the 'JADUAL TOT LATIHAN JK SUKARELAWAN' (Training Schedule for JK Sukarelawan). The schedule is for the 15th of February 2024 (KHAMIS) and is held virtually. The schedule includes the following activities:

TARIKH / HARI / LOKASI LATIHAN	MASA	PERKARA
15 FEB 2024 (KHAMIS) SECARA VIRTUAL	8.30 AM	> Pendaftaran Ahli Jawatankuasa Sukarelawan KARISMA
	9.00 AM – 10.30 AM	> Modul 1: Pengenalan Pengurusan Sukarelawan
	10.30 AM – 11.00 AM	> Rehat
	11.30 AM – 1.00 PM	> Modul 2: Pengurusan Pengoperasian Sukarelawan Sukan
	1.00 PM – 2.00 PM	<b>REHAT / MAKAN TENGAHARI / SOLAT ZOHOR</b>
	2.00 PM – 4.30 PM	> Taklimat Modul Pengurusan Sukarelawan Sukan (VMS)
	4.30 PM – 5.00 PM	> Sesi Benggar / Bersama

The phone also displays the 'KARISMA XXIX 2024' logo and the date '14 FEBRUARY 2024 (RABU)'.

# **SUKARELAWAN KARISMA: MENITI PERJALANAN PENDEDUAHAN TUGAS MELALUI LATIHAN UMUM DAN LATIHAN SPESIFIK SUKARELAWAN**



**Rembau, 22 Februari 2024** - Dewan Biduanda di UiTM Kampus Rembau menjadi saksi kepada pelaksanaan **Latihan Umum dan Latihan Spesifik Sukarelawan KARiSMA** yang berlangsung dengan penuh semangat. Inisiatif ini bertujuan memberikan pendedahan dan persediaan kepada sukarelawan bagi menjalankan tugas mereka dalam Karnival Sukan Mahasiswa (KARiSMA) Kali Ke-29, yang bakal menjadi sorotan di kalangan komuniti universiti.

## **Latihan Umum Sukarelawan**

Latihan ini melibatkan pelbagai 3 modul bagi latihan umum untuk menyokong perkembangan sukarelawan, Antara modul yang disertakan adalah:

### **Modul 1: Sukarelawan Temasya Penganjuran Sukan**

Dalam modul ini, sukarelawan diberi pendedahan mendalam berkaitan maklumat asas kejohanan KARiSMA kali ke-29, 2024 dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan dan menganjurkan sukan. Penekanan aspek sukarelawan sebagai “Front Liner” telah dihuraikan dengan terperinci bagi memastikan sukarelawan dapat membantu penugasan acara dengan lebih berkesan. Pelbagai aspek penganjuran sukan termasuk perancangan acara, logistik, dan koordinasi pasukan sukarelawan menjadi fokus bagi memastikan kelancaran setiap temasya.

### **Modul 2: Etika dan Komunikasi Sukarelawan Berkesan**

Penekanan pada etika dan kemahiran komunikasi yang berkesan diberikan kepada sukarelawan. Mereka diajar untuk berinteraksi dengan peserta, penonton, dan rakan sukarelawan dengan penuh hormat dan profesionalisme, mencipta persekitaran yang positif dan menyokong kepada matlamat untuk memastikan kelancaran pengurusan acara. Beberapa pendekatan dan contoh situasi semasa bertugas juga dikongsikan kepada sukarelawan supaya mereka lebih bersedia untuk berdepan dengan cabaran komunikasi dari masa ke semasa.

### **Modul 3: Pengurusan Krisis dan Risiko**

Kemahiran pengurusan krisis dan risiko menjadi keutamaan dalam modul ini. Sukarelawan diajar untuk mengenali potensi masalah, menyusun strategi pengurusan krisis, dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan bagi memastikan kejayaan penganjuran acara tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini. Sukarelawan didedahkan dengan beberapa konsep penyelesaian masalah jika berhadapan dengan situasi berisiko.

### **Latihan Spesifik Sukarelawan**

Taklimat spesifik ini disampaikan oleh 11 penyelaras sukan dan 5 jawatankuasa yang terlibat dalam KARiSMA kali ke-29, 2024. Pemakluman awal telah diberikan kepada setiap penyelaras sukan dan jawatankuasa terlibat untuk persediaan menyediakan slide pembentangan maklumat spesifik sukan dan jawatankuasa kepada sukarelawan masing-masing. Latihan ini memberi tumpuan kepada kemahiran dan pengetahuan yang relevan dengan bidang tugas mereka.

Selesai latihan umum, sukarelawan bergerak ke bilik kuliah masing-masing mengikut 11 sukan yang dipertandingkan dalam KARiSMA Kali Ke-29. Taklimat ini memberi mereka gambaran yang jelas tentang bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan kelancaran setiap acara sukan. Turut diperjelaskan berkaitan dengan penjadualan hari dan masa bertugas untuk setiap sukarelawan.

Latihan ini bukan sahaja menyediakan sukarelawan dengan pengetahuan dan kemahiran praktikal, tetapi juga memupuk semangat kerjasama dan semangat kesukanan. Diharapkan, persediaan ini akan memudahkan pengendalian penugasan dan memberi impak positif terhadap kelancaran dan kejayaan KARiSMA Kali Ke-29, telah menjadi perhimpunan sukan yang luar biasa di kalangan mahasiswa UiTM Negeri Sembilan.



# BIDANG TUGAS DAN PECAHAN SUKARELAWAN KARISMA 2024

Dalam pelaksanaan acara KARISMA 2024, peranan sukarelawan merupakan asas yang penting bagi kejayaan keseluruhan program. Berikut merupakan butiran latar belakang sukarelawan yang terlibat dalam acara ini:

**Jumlah Sukarelawan:** Seramai 230 orang sukarelawan telah menyertai dan memberikan sumbangan mereka untuk menjayakan KARiSMA 2024. Sukarelawan ini terdiri daripada pelbagai lapisan, termasuk Komander, Jawatankuasa Sukan Pelajar, dan pelajar-pelajar dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan.

**Tugas dan Keterlibatan:** Para sukarelawan telah terlibat untuk membantu dalam pelbagai aspek operasi dan pertandingan KARiSMA 2024. Ini termasuklah bantuan dalam mengendalikan perjalanan operasi acara serta menyokong kelancaran pelaksanaan 11 jenis sukan yang dipertandingkan. Selain itu, sukarelawan juga terlibat dalam 5 jawatankuasa kecil penganjuran yang bertanggungjawab dalam aspek logistik, pengurusan peserta, dan aspek lain yang berkaitan.

**Tempoh Bertugas:** Sukarelawan telah mula bertugas pada tarikh 24 Februari dan terus memberikan khidmat mereka sehingga tamatnya acara pada 4 Mac 2024. Tempoh bertugas yang meliputi hampir dua minggu ini memerlukan komitmen dan kesediaan yang tinggi daripada sukarelawan untuk menjamin kelancaran dan kejayaan keseluruhan acara.

Keterlibatan sukarelawan ini adalah cerminan semangat kesukarelawanan dan kecintaan mereka kepada institusi dan komuniti setempat. Dengan pengorbanan dan usaha mereka, diharapkan KARiSMA 2024 akan menjadi sebuah acara yang berkesan dan memberi impak positif kepada semua pihak yang terlibat.



# **SUMBANGAN TANPA BATASAN: PAKAIAN #BAJUBARN MENYINARI KEBERANIAN SUKARELAWAN**

Program sukarelawan yang bermakna berjaya menarik perhatian penajaan eksklusif Baju Barn sebagai baju rasmi. Penajaan ini mencerminkan komitmen Baju Barn dalam menyokong semangat kebajikan dan penyertaan masyarakat. Dengan gabungan kualiti terbaik dan reka bentuk kontemporari, baju rasmi ini akan menjadi simbol identiti kukuh bagi sukarelawan KARISMA 2024.

Kolaborasi ini bukan sahaja memastikan penampilan yang profesional, tetapi juga memperkuatkannya nilai-nilai sukarelawan dan memberi peluang kepada Baju Barn untuk menyumbang kepada kejayaan program yang bersifat masyarakat ini. Dengan bangga, kami mengucapkan terima kasih kepada Baju Barn kerana turut serta dalam perjalanan kami memperkasa masyarakat dan membangunkan semangat kebersamaan.

Selain itu, pada 24 Februari 2024, momentum kebaikan melanda Kampus Rembau dan Kampus Seremban dengan pemberian kit sukarelawan KARISMA 2024 di Bilik Gerakan KARISMA. Seremoni ini memanfaatkan penghujung bulan Februari untuk memberikan semangat baru kepada sukarelawan yang telah mendaftar. Pengedaran baju sukarelawan menjadi sorotan acara, menandakan permulaan resmi bagi peranan mereka dalam menyumbang kepada masyarakat.

Dengan kehadiran yang penuh semangat, anggota sukarelawan menerima kit mereka dengan gembira, menciptakan atmosfer kekeluargaan yang memperkuatkannya komitmen mereka terhadap nilai-nilai kebajikan dan sukarelawanisme.





# MEMBENTUK GENERASI SUKARELAWAN:

INISIATIF UTAMA  
DI KARISMA 2024

# PENGLIBATAN KOMANDER DALAM SUKAN KARISMA 2024 SEBAGAI SUKARELAWAN

Komander kesatria, sebuah nama yang tidak asing lagi penuntut-penuntut UITM di seluruh Malaysia. Sebuah badan beruniform yang ditubuhkan suatu masa dahulu bagi mengukuhkan serta memantapkan disiplin para Mahasiswa yang pada awalnya tidak begitu mendapat sambutan. Namun dari masa ke semasa, unit beruniform ini berkembang semakin besar hingga diletakkan dibawah unit ko-kurikulum. Antara tugas-tugas komander adalah untuk membantu pegawai unit ko-kurikulum untuk mengurus selia pelajar yang mengambil kursus Kesatria Negara. komander juga turut membantu menyumbang tenaga bagi kawalan kehormat orang kenamaan bagi memberi penghormatan. Tidak cukup dengan itu, komander kesatria bukan Sahaja menyumbang kudrat dan tenaga didalam kampus Sahaja. Baru-baru ini, sejumlah Komander dari cawangan negeri Sembilan telah menyumbang tenaga sebagai sukarelawan bagi menjayakan sebuah temasya berprestij, KARISMA.



Karnival Sukan Mahasiswa (KARI SMA) adalah Temasya Sukan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan dengan kerjasama Unit Sukan Kampus-kampus Cawangan yang terlibat dalam penganjuran temasya sukan pelajar secara tahunan ini. Selain bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang sukan, pemilihan kampus-kampus selaku tuan rumah adalah bertujuan untuk menaik taraf kemudahan sukan di negeri-negeri bagi membantu pembangunan sukan secara keseluruhan di universiti. Pada 26 Februari sehingga 4 Mac 2024 telah berlangsung kejohanan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARI SMA) 2024. Cawangan Negeri Sembilan dipilih sebagai tuan rumah bagi edisi tahun ini yang melibatkan tiga kampus UiTM iaitu Kampus Seremban, Kampus Rembau dan Kampus Kuala Pilah. Sebanyak 14 buah kontinen dari setiap UiTM cawangan negeri masing-masing dihantar bagi merebutkan kejuaraan dan seramai 1,000 atlet dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dihimpunkan pada kejohanan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) 2024. Terdapat 11 sukan yang dipertandingkan pada kejohanan ini antaranya Bola Jaring, Bola Tampar, Bola Baling, Badminton, Bola Keranjang, Petanque, Ping Pong, Tenis, Sepak Takraw, Berbasikal dan Catur. Karnival Sukan Mahasiswa (KARI SMA) telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Hj. Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan bersama Profesor Dr Yamin Yasin Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan.



Dengan khidmat bakti para sukarelawan yang telah membantu menjayakan Karnival Sukan Mahasiswa (KARISSMA) ini. Seramai 200 orang sukarelawan yang terlibat antaranya 100 orang komander dari Uitm Kampus Seremban, 60 orang Komander dari Uitm Kampus Rembau dan 40 orang Jawatankuasa Sukan Pelajar. Setiap individu diberi pecahan mengikut bidang tugas masing-masing. Pada 22 Februari 2024, kursus pengenalan tentang Karnival Sukan Mahasiswa (KARISSMA) diadakan. Pengarah program sukarelawan menerangkan tentang tentatif program yang akan berlangsung. Kursus tersebut bermula pada jam 8 pagi sehingga 6 petang. Objektif kursus ini dijalankan bertujuan untuk memberi persiapan awal kepada semua sukarelawan dalam memahami dan melakukan tugas mengikut skop kerja yang akan dilakukan sewaktu kejohanan berlangsung nanti. Antara skop kerja yang diterangkan seperti contoh AJK pembukaan dan penutup.



Selain itu, seramai 30 sukarelawan ditugaskan sebagai AJK sukan berbasikal dan rekod ini mencatatkan sebagai sukarelawan paling ramai dalam bidang tugas kerana sukan berbasikal memerlukan tenaga kerja yang ramai disebabkan oleh tugas ini memerlukan persiapan awal dari segi membersihkan laluan dan membuat penandaan di sepanjang laluan yang akan digunakan sewaktu perlawanan berbasikal. Sewaktu hari kejadian, beberapa orang sukarelawan ditugaskan menjaga laluan agar keselamatan atlet sentiasa terjaga. Bagi sukan lain pula, komander disusun dan diberikan tugas sesuai dengan keperluan semasa. Setiap bidang tugas yang dibahagikan dan ditempatkan sepanjang temasya berlangsung di seluruh negeri Sembilan seperti Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES) Paroi, Dewan Badminton NZ Port Dickson, Dewan Bola Kerang Dato Lim See Seng Seremban dan lain-lain lagi.

Penglibatan sukarelawan dalam kejohanan sukan adalah elemen penting dalam keseluruhan pengurusan acara tersebut. Sukarelawan memberikan bantuan penting dalam berbagai bidang, termasuk pendaftaran peserta, pengawasan lalulintas, penyediaan makanan dan minuman, perawatan peralatan, dan banyak lagi. Mereka tidak hanya membantu dalam menjalankan acara dengan lancar, tetapi juga meningkatkan persekitaran yang positif dan membantu menciptakan pengalaman yang berkesan bagi peserta dan tetamu. Antara manfaat yang dapat diperolehi adalah meningkatkan tahap sosial dengan pihak yang lain serta menambahkan ilmu pengetahuan dalam menguruskan sesebuah program.

JADUAL UMUM										KARISSMA XXIX CN9 2024												
BIL.	TARikh / ACARA	FEBRUARI / MAC 2024										LOKAcI PERIODONgAN										
		25	26	27	28	29	1	2	3	4	JUMLAH HARI	25	26	27	28	29	1	2	3	4	JUMLAH HARI	
1.	Malam Perasmian											Dewan Bola Kerang, Dato Lim See Seng Seremban										
2.	Buka Puasa											NFT Badminton Avenue, Port Dickson										
3.	Bola Basng											UITM Kangar Seremban										
4.	Bola Tentering											Kompleks Sukan Negeri Perai										
5.	Bola Kerang											Stadium Bola Kerang, Emir Lee Seng, Port Dickson										
6.	Bola Tentering											Kompleks Sukan Negeri Perai										
7.	Citar											UITM Kangar Seremban										
8.	Patinjalan											Kompleks Sukan MKN, Seremban 2										
9.	Ping Pong											UITM Kangar Seremban										
10.	Bola Takraw											STPUSN Seremban										
11.	Sepak Takiaw											Dewan Sukan Takiaw, RTB11, Chempang										
12.	Tenis											Kompleks Bola Sukan Paroi (KCBSP)										
13.	Malam Penutupan											Dewan Bola Kerang, Dato Lim See Seng Seremban										

# **SUKARELAWAN KOMANDER KESATRIA: DARI PADANG KAWAD KE GELANGGANG SUKAN MAHASISWA (KARISMA) 2024**



Karnival Sukan Mahasiswa (KARISMA) 2024 telah berlangsung pada 25 Februari- 4 Mac 2024 bertempat di negeri Tanah Beradat, UiTM Cawangan Negeri Sembilan bagi edisi kali ke-29 melibatkan penyertaan dari 14 kampus cawangan seluruh Malaysia. Temasya ini merupakan temasya sukan utama dalam kalender sukan UiTM dalam memberi peluang kepada mahasiswa menjadi atlet mewakili kampus cawangan masing-masing. Di sebalik kejayaan penganjuran KARISMA 2024, sukarelawan KARISMA memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kejayaan keseluruhan penganjuran dari awal hingga bendera temasya kejohanan diturunkan.

Seramai 140 orang sukarelawan KARISMA 2024 adalah terdiri daripada Komander Kesatria Kampus Seremban dan Kampus Rembau. Mereka merupakan mahasiswa yang menganggotai Badan Beruniform Kesatria dan mempunyai sejarah penubuhan seawal tahun 1976 dan terus berkembang serta memberi sumbangan yang sangat besar kepada UiTM secara khususnya. Dalam konteks ini, peranan Komander Kesatria sebagai sukarelawan sangat dihargai dari segi pengorbanan masa, tenaga dan cabaran sepanjang temasya berlangsung, mereka tetap setia menabur bakti.

Sebagai persiapan menjalankan tugas sukarelawan KARISMA 2024, selaku Ketua Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan KARISMA 2024, Cik Siti Aida Lamat telah mendapat bantuan daripada Majlis Sukan Negara (MSN) untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman berkaitan modul Latihan Sukarelawan. Modul ini merupakan pelan jangka panjang MSN yang mula diperkenalkan semasa Malaysia menjadi tuan rumah Sukan SEA 2017 dan terus digunakan semasa Sukan Malaysia (SUKMA) 2022. Ianya telah terbukti berkesan dan memberi impak yang sangat positif dalam pengurusan sukarelawan bagi penganjuran sukan bertaraf antarabangsa dan kebangsaan. Justeru, persetujuan MSN dalam berkongsi modul ini merupakan satu lagi sejarah yang dicipta oleh UiTM Cawangan Negeri Sembilan kerana menjadi universiti pertama di Malaysia menggunakan modul latihan sukarelawan sukan MSN.



Penugasan sukarelawan sepanjang KARISMA 2024 memberi fokus dalam membantu persiapan tempat, pelaksanaan pertandingan dan pengurusan teknikal bagi 11 acara sukan yang dipertandingkan seperti badminton, berbasikal, bola jaring, sepak takraw dan tenis. Pastinya terdapat isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang temasya berlangsung, namun hasil daripada modul latihan yang telah dihadiri oleh para sukarelawan telah banyak membantu mereka bertindak dan berfikir dengan rasional ketika berhadapan dengan situasi di luar jangkaan. Kerjasama dan saling menghormati antara sukarelawan turut menjadi faktor penting dalam memastikan penganjuran temasya mampu dilaksanakan dengan baik walaupun majoriti daripada mereka baru pertama kali terlibat sebagai sukarelawan sukan.

Unit Kokurikulum Kampus Seremban dan Kampus Rembau turut memberi respon yang sangat baik apabila ditawarkan oleh pihak Sekretariat KARISMA 2024 untuk menjadikan Komander Kesatria sebagai sukarelawan KARISMA 2024. Kepercayaan untuk menggalas tugas ini adalah rentetan daripada kejayaan Komander Kesatria sebagai sukarelawan semasa temasya Asian Track Cycling Championship 2023 pada 14-19 Jun 2023 bertempat di Velodrom Nasional, Nilai, Negeri Sembilan. Komitmen dan disiplin yang dipamerkan dalam menjalankan tugas sebagai sukarelawan sepanjang kejohanan mendapat pujian daripada pihak penganjur dan pegawai-pegawai MSN yang turut terlibat dalam kejohanan tersebut. Ianya telah membuka ruang yang lebih luas kepada Komander Kesatria untuk terus diberikan peluang untuk terlibat dalam program sukarelawan yang lebih berprestij dan jumlah penglibatan yang lebih besar.

Ketua Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kapten Muhamad Affandi Ahmad (B), berkata sangat berbangga di atas kepercayaan dan peluang yang diberikan kepada Komander Kesatria kerana terpilih di kalangan mahasiswa UiTM sebagai kumpulan terbesar yang bertugas sebagai sukarelawan KARISMA 2024. Tanggungjawab ini membuktikan bahawa Komander Kesatria bukan sahaja mampu memainkan peranan di atas padang kawad, tetapi berupaya melaksanakan peranan lain seperti sukarelawan. Peluang ini merupakan pengalaman sekali seumur hidup dan pastinya menjadi antara memori terindah kepada semua Komander Kesatria yang terlibat secara langsung dalam KARISMA 2024.

# **MENJAYAKAN TRANSFORMASI MELALUI SUKAN DAN SUKARELAWAN**

## **Pengenalan**

KARiSMA Kali Ke-29 yang dianjurkan UiTM Cawangan Negeri Sembilan dengan kerjasama Pusat Sukan, UiTM Shah Alam berlangsung pada 26 Februari hingga 4 Mac (Kawi, 2024). Sebanyak 14 acara dipertandingkan iaitu bola sepak, bola baling, bola jaring, ping pong, boling padang, bola tampar, catur, badminton, sepak takraw, petanque, tenis, futsal, bola keranjang dan hoki dalam dewan. Kejohanan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar bertujuan memberikan impak kepada matlamat program universiti dalam menyokong matlamat pembangunan mampan iaitu 'kesihatan yang baik dan kesejahteraan' (Aznan, 2022).

Sukan bukanlah sekadar aktiviti fizikal semata-mata; ia juga merupakan satu medium yang mampu membina jiwa, semangat, dan kepimpinan. Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sukan KARiSMA telah menjadi teras pembangunan holistik pelajar, memberikan sumbangan kepada kecemerlangan akademik dan sosial. Tambahan pula, banyak pemain berbakat yang dapat dikenal pasti dan diteruskan ke peringkat yang lebih tinggi, memberikan mereka pendedahan kepada persekitaran saingan yang kompetitif. KARiSMA berperanan sebagai pentas bagi memupuk budaya komuniti kampus yang sihat dan cemerlang (Abu Bakar, 2022). Walau bagaimanapun, dalam konteks ini, peranan sukarelawan juga memainkan peranan yang signifikan dalam menanamkan semangat kebersamaan dan kepimpinan.

## **Sukan KARiSMA dan Kesan Positif**

Sukan KARiSMA di Universiti Teknologi MARA (UiTM) melebihi sekadar peringkat pertandingan semata-mata. Ia mewakili landasan yang kritikal dalam proses pembangunan pelajar sebagai individu yang proaktif, berketerampilan, dan memiliki nilai etika yang tinggi. Secara khusus, melalui pelbagai aktiviti sukan yang disertai, pelajar tidak hanya mendapatkan manfaat daripada aspek fizikalnya, tetapi juga memperoleh peluang untuk memperkuuh semangat bersukan serta membentuk hubungan yang kukuh dan erat di kalangan mereka.

Aktiviti sukan dalam KARiSMA memberikan peluang kepada pelajar untuk mengembangkan pelbagai kemahiran, seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan kerjasama berpasukan. Proses ini membantu membentuk personaliti proaktif dan kreatif dalam kalangan pelajar, yang kemudiannya memberi kesan positif terhadap pembangunan diri mereka secara menyeluruh.

## **Peranan Sukarelawan**

Sukarelawan memainkan peranan yang strategik dalam menyokong kelancaran setiap aktiviti Sukan KARiSMA. Mereka bertanggungjawab dalam pelbagai tugas, termasuk penyelenggaraan acara, bantuan logistik, dan memberikan sokongan moral kepada peserta dan pasukan. Keikhlasan dan semangat sukarela sukarelawan menjadi pendorong utama dalam mencapai kejayaan setiap program.

Lebih daripada sekadar pelaksanaan tugas-tugas praktikal, sukarelawan juga menjadi medium untuk menyemai semangat kebersamaan di kalangan peserta dan penonton. Mereka mencipta satu atmosfera yang positif dan menyokong, mencorakkan suasana yang mempromosikan semangat persaudaraan dan rasa tanggungjawab bersama. Melalui interaksi sukarelawan, pelajar dapat merasai kehangatan dan keakraban yang mendorong mereka untuk terlibat secara lebih aktif dalam Sukan KARiSMA.

Nilai-nilai sukarela yang ditanamkan oleh sukarelawan turut memberikan impak jangka panjang terhadap pembangunan pelajar secara menyeluruh. Pelibatan dalam aktiviti sukarela membantu membentuk sikap kepimpinan, inisiatif, dan tanggungjawab dalam kalangan sukarelawan, manakala pelajar yang menerima bantuan sukarelawan dapat merasai sokongan positif dan nilai-nilai positif yang diterapkan dalam setiap program.

## **Kesan Positif Sukarelawan Terhadap Komuniti**

Penyertaan sukarelawan dalam Sukan KARiSMA di Universiti Teknologi MARA (UiTM) membawa impak positif yang meluas ke seluruh komuniti universiti. Dengan turut serta dalam aktiviti sukarelawan, pelajar UiTM merasai kepuasan yang bersumber daripada sumbangan mereka kepada kemajuan komuniti tersebut. Pengalaman ini tidak hanya memberikan kepuasan diri tetapi juga memberikan makna mendalam kepada peranan mereka dalam memperkuatkkan kebersamaan dan kesejahteraan bersama.

Penglibatan dalam tugas sukarelawan turut membentuk keperibadian pelajar. Mereka belajar untuk bekerjasama dalam pasukan, mengembangkan kebolehan berkomunikasi, dan meningkatkan kemahiran interpersonal mereka. Proses ini tidak hanya membantu dalam pembentukan individu yang proaktif dan berdikari, tetapi juga mencorakkan sikap positif terhadap kerjasama dan empati terhadap keperluan orang lain.



## **Kesinambungan Program Sukarelawan**

Satu langkah yang kritikal untuk mencapai objektif ini adalah dengan menubuhkan program sukarelawan yang berterusan. Ini melibatkan penyusunan aktiviti-aktiviti sukarelawan yang berkesan, memberikan peluang kepada pelajar untuk terus berkhidmat, dan menyelaraskan usaha-usaha sukarelawan dengan matlamat pembangunan universiti.

Pengiktirafan terhadap pencapaian sukarelawan juga merupakan elemen penting dalam menyokong kesinambungan program ini. Pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukarelawan patut diberikan penghargaan dan pengiktirafan, memberi dorongan kepada mereka untuk terus menyumbang kepada komuniti. Pendedahan kepada peluang sukarelawan di peringkat yang lebih tinggi, seperti kegiatan sukarelawan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, juga boleh menjadi pemacu yang kuat untuk membangkitkan semangat kesukarelawanan yang berkekalan.

## **Kesimpulan**

Sukan KARiSMA dan sukarelawan adalah dua elemen yang saling melengkapi di UiTM. Melalui penyelidikan sukarelawan dan penglibatan dalam Sukan KARiSMA, pelajar dapat meraih manfaat bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga pembangunan diri secara menyeluruh. Dengan keberkesaan program-program ini, UiTM membuktikan bahawa pendidikan tidak hanya berlaku di dalam bilik darjah, tetapi juga di padang sukan dan dalam perkhidmatan kepada komuniti.

## **Rujukan**

- Abu Bakar, N. (2022, July 4). 275 peserta bersaing di Liga Sukan Universiti. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2022/07/858353/275-peserta-bersaing-di-liga-sukan-universiti>
- Aznan, S. (2022, September 28). KARiSMA kembali dianjurkan selepas tiga tahun. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2022/09/1005903/karisma-kembali-dianjurkan-selepas-tiga-tahun>
- Kawi, M. R. (2024, February 23). KARiSMA Ke-29, UiTM Sarawak laung cabaran. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2024/02/1215985/karisma-ke-29-uitm-sarawak-laung-cabaran>

# SUKARELAWAN JAYAKAN PERASMIAN DAN PENUTUP KARISMA 2024

Negeri Sembilan - Dalam sebuah perhimpunan gemilang, lebih daripada 1000 para atlet UiTM, termasuk staf, sukarelawan, dan wakil daripada industri tempatan, menyaksikan Majlis Perasmian Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARiSMA) pada 27 Februari 2024. Majlis ini menjadi mercu tanda penting dengan pelbagai acara menarik dan kemuncaknya terletak pada kehadiran YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, sebagai jemputan rasmi yang utama.

## Majlis Perasmian yang Penuh Megah

Majlis Perasmian KARiSMA KE-XXIX menggambarkan kecemerlangan dengan diadakannya di Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun, dalam fungsi rasmi beliau merasmikan majlis ini dengan penuh semangat dan menyampaikan ucapan yang memberi inspirasi kepada para atlet yang bersemangat untuk bersaing.

Turut menyertai majlis perasmian adalah Naib Canselor UiTM, Professor Datuk Dr Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, yang turut berkongsi kata-kata galakan dan sokongan kepada atlet-atlet yang telah bersusah payah bersedia untuk menyertai kejohanan ini.



## Majlis Penutup yang Merentasi Sempadan Kejayaan

Perjalanan penuh semangat ini mencapai kemuncaknya semasa Majlis Perasmian Penutupan KARiSMA 2024 pada 4 Mac 2024, di Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan. Majlis penutup ini dihadiri oleh tetamu utama, YBhg. Prof Yamin Yasin, yang menjalankan fungsi Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, serta disertai oleh Timbalan Rektor dan wakil-wakil cawangan yang lain.

## Kesinambungan

Kejayaan KARiSMA KE-XXIX adalah hasil daripada usaha bersama lebih daripada seribu para atlet, staf, dan sukarelawan yang bekerja keras. Keterlibatan penyokong industri tempatan dan sokongan daripada Menteri Besar Negeri Sembilan menyediakan landasan yang kukuh bagi kejohanan ini.

Majlis Perasmian dan Penutupan KARiSMA KE-XXIX mewujudkan landasan untuk pembentangan pencapaian terhebat dalam bidang sukan di kalangan mahasiswa UiTM. Penghargaan kepada atlet yang cemerlang, keterlibatan sukarelawan, dan sokongan daripada pihak pemerintah dan industri melonjakkan semangat kejohanan ini, menjadikan KARiSMA KE-XXIX sebagai satu kenangan yang membanggakan dalam kalangan komuniti UiTM dan negeri ini.



# NURAIN DINOBATKAN SEBAGAI SUKARELAWAN CEMERLANG

Nurain Binti Shamsur Anuar, seorang pelajar semester 3 jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, juga merupakan seorang pelajar yang aktif sebagai Komander UiTM telah menyertai aktiviti sukarela sejak tahun 2022.

Minat mendalam terhadap sukarelawan sukan mendorong Nurain untuk terlibat dalam kejohanan bertaraf antarabangsa seperti Kejohanan Asian Track & Para Cycling dan Kejohanan Mirnawan Cup dimana beliau memberikan sumbangan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) dengan membantu memastikan kelancaran kejohanan tersebut. Beliau juga pernah terlibat sebagai sukarelawan di dalam Kejohanan Peringkat MSSM Pendidikan Khas, Negeri Sembilan yang boleh dikategorikan sebagai pengalaman beharga yang berbeza daripada kejohanan sukan lain.



Ketekunan dan pengalaman yang diperoleh melalui penyertaan dalam kejohanan antarabangsa dan kebangsaan telah memberikan suntikan semangat kepada Nurain untuk meneruskan penglibatan sebagai sukarelawan. Kesungguhan ini membawa beliau untuk memberikan khidmat bakti kepada Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan KARISMA kali ke-29, 2024.

Penglibatan Nurain sebagai sukarelawan bukan sahaja mencerminkan kecintaan kepada sukan tetapi juga menunjukkan semangat membantu dan memberi kepada masyarakat melalui aktiviti sukarela. Beliau tidak hanya mengejar minat peribadi, tetapi turut berhasrat untuk menyumbangkan kemahiran dan pengalamannya untuk kelancaran setiap acara sukan yang dijalankan.

Dengan keprihatinan dan semangat sukarelawan yang dibawa oleh Nurain, beliau memberikan contoh positif kepada rakan sebaya dan juga menjadi inspirasi bagi pelajar lain di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi. Keberanian dan komitmen Nurain dalam dunia sukarelawan sukan membawa sinar baru kepada aktiviti sukarela terutamanya di kalangan pelajar universiti.

Sebagai seorang sukarelawan, Nurain turut melibatkan diri dalam tanggungjawab dalam mengelola kejohanan, menunjukkan kemahiran kepimpinan dan organisasi yang tinggi. Beliau juga menyedari bahawa sukarelawan memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri seterusnya menyokong pembangunan sukan di negara ini.

Dengan adanya pelajar seperti Nurain yang gigih dan berdedikasi dalam bidang sukarelawan sukan, diharapkan ia akan menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk turut terlibat dalam aktiviti sukarela demi pembangunan komuniti dan perkembangan sukan negara. Kesungguhan dan semangat sukarelawan seperti Nurain merupakan aset berharga yang dapat memberikan impak positif kepada masyarakat dan negara.

# KESUKARELAWANAN: ANTARA MINAT DAN IBADAH

Sering kita tergambar apabila terbaca berkaitan sukarelawan ialah individu yang terlibat dalam suatu aktiviti yang melibatkan ramai orang dan ia bersifat sukarela. Seseorang yang sanggup menyumbangkan masa dan tenaganya untuk membantu sesuatu program yang telah dirancang. Sukarelawan adalah individu yang melakukan sebarang aktiviti atau program dengan kesediaan sendiri,tanpa paksaan dengan niat untuk membantu orang lain tanpa meminta ganjaran diatas khidmat atau usaha yang dilaksanakan (Wilson,2003)

Mariam (2023) berpendapat bahawa penglibatan dalam kesukarelawan membuka peluang kepada golongan belia untuk mengembangkan potensi diri seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah,bekerjasama serta membantuuntuk mengembangkan peluangdalam bidang kerjaya selaindapat menghindar sertamembendung terjebak dalamtingkah laku antisosialdan membimbing serta memulihkan pesalah juvana. AzizanBahari (2016), menyatakan bahawa potensidan kesesuaian pendekatandan kaedah kerjakomuniti digunakan atau diadaptasioleh pihak kerajaan,gerakan belia, pertubuhansukrela, media, institusi agama dankomuniti setempat bagimembantu masyarakat menanganipermasalahan sosial yang melibatkan belia.

## KESUKARELAWANAN DALAM ISLAM

Islam sangat menggalakkan aktiviti kesukarelawan. Firman Allah Taala yang Maksudnya: “ Orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mereka mengajar yang makruf dan milarang yang mungkar, dan mereka berusaha dengan cepat beramal. Mereka termasuk orang-orang yang soleh”.(SurahAl-Imrān:114)



Al-Quran menjelaskan berkaitan amalan kesukarelawan melalui ayatal-Quran yang merujuk kepada konsep menyuruh kepada perkara kebaikan yang didasari keimanan kepada Allah SWT dan mencegah daripada perkara kemungkaran yang meninggalkan kekufuran serta konsep fastabiqulkhairat iaitu bersegera dalam melakukan kebaikan sebelum sampai saat kematian.

Khidmat kesukarelawan berupaya membantu manusia untuk terus hidup secara bermasyarakat dan berkongsi ukhuwah serta kasih sayang. "Sayangilah siapa yang ada di muka bumi, niscaya kamu akan disayangi oleh siapa saja yang ada di langit" (HR At-Tirmidzi) Para sukarelawan merupakan golongan yang berbudi dengan ikhlas kepada Allah SWT (Ali Ibn Muhammad,2009). Segolongan manusia suka melakukan amalan tanpa menzahirkan nama dan tidak mencari publisiti dalam aktiviti kesukarelawan yang dilaksanakan, walaupun ianya meninggalkan kesan abadi pada jiwa orang lain. " Barangsiapa yang menunjukkan sesuatu kebaikkan, maka dia mendapat pahala sama seperti yang melakukannya"( Imam Muslim). Oleh itu, usaha menampilkkan sukarelawan yang sentiasa bersedia untuk berkongsi jasa dan tenaga membantu orang lain penting diberi penekanan.

Prinsip-prinsip utama yang perlu dipatuhi sebagai sukarelawan ialah mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah SWT, menjaga hubungan dengan orang lain,dan mempunyai semangat pengorbanan. Islam menekankan kepentingan semangat pengorbanan dalam diri seorang Muslim, dan semangat ini menjadikan mereka lebih bersedia untuk membantu orang lain. Sukarelawan Islam ialah sukarelawan Muslim yang melakukan kerja sukarela dengan ikhlas kerana Allah SWT. Pelaksanaan khidmat sukarelawan memerlukan persediaan diri kerana kerja dan perkhidmatan sukarelawan adalah sukar, mencabar serta memerlukan kerja berpasukan yang tinggi .Antara persediaan utama yang perlu dimiliki oleh seorang sukarelawan adalah akhlak mulia. Kepentingan kemuliaan akhlak dijelaskan menerusi sabda Rasulullah saw: Sesungguhnya aku tidak diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. (Bukhari dan Muslim).

Dalam apa juu keadaan, tugas sebagai sukarelawan tanpa melihat kepada bidang dan sasarannya, amanah dan tanggungjawab sebagai hamba Allah Taala perlu ditunaikan. Menyampaikan nasihat, semangat dan teguran sesama komuniti yang terlibat perlulah diutamakan. Konsep amal maaruf nahi mungkar serta nasihat menasihati perlulah disampaikan berdasarkan ilmu dan niat yang betul.

**Rujukan:**

- Azizan Bahari.(2016). Kesukarelawan. Kangar:Pustaka Qarya.
- Ali Ibn Muḥammad, Al-Jumu‘ah.(2009).Mu’jamal-Muṣṭalahātul-IqtisadiyyahWaAl-Islāmiyyah.Riyadh:Maktabahal-‘Ubaykat.
- Abd.Majid. Et.all.2023. Cabaran Sukarelawan Dakwah Masyarakat Dalam Pelaksanaan Dakwah.Jurnal Pengajian Islam ISSN:18237126
- Firman Ali.(2023).Representasi Al-Qur’ān Surah Al Imran :104. Journal of Islamic Studies and Humanities,3(2),1-17.
- Mariam Abd.Majid. Et.all.2023.Cabaran Sukarelawan dakwah masyarakat Dalam Pelaksanaan dakwah.Jurnal Pengajian Islam ISSN:18237126
- WilsonJ.(2003).Volunteering .Annual Review of Sociology.26,215-240.dlm Mariam Abd.Majid. Et.all.2023.Cabaran Sukarelawan dakwah masyarakat Dalam Pelaksanaan dakwah.Jurnal Pengajian Islam ISSN:18237126

# **SUKARELAWAN UNIT KESIHATAN NADI SUKAN KARISMA**

Pengurusan KARiSMA 2024 edisi kali ini melihat Negeri Sembilan sebagai penganjur utama telah membuka ruang kerjasama setiap unit dan jabatan dalam kampus UiTM negeri Sembilan secara holistik. Unit Kesihatan tidak tersisih memberi sumbangan sukarelawan dalam menjayakan penganjuran KARiSMA edisi Negeri Sembilan. Kebanjiran atlet dari empat belas negeri membuatkan elemen Kesihatan dan keselamatan harus dititikberatkan ketika acara sukan KARiSMA berlangsung.

Penglibatan sukarelawan Unit Kesihatan menjadi nadi dalam acara sukan KARiSMA dalam menjamin atelit, kakitangan mahu pun para pengunjung yang hadir berada dalam keadaan selamat dan sihat.

Unit Kesihatan merupakan jawatankuasa perubatan dan kecemasan KARiSMA 2024, yang diketuai oleh Dr. Ain Zulaikha Abdul rahim selaku ketua jawatankuasa perubatan dan keselamatan dan dibantu oleh Dr. Nur Shahirah Jamaluddin selaku timbalan jawatankuasa. Jawatankuasa ini diberi tanggungjawab memastikan pengurusan kesihatan, keselamatan dan siap siaga perubatan berjalan lancar sepanjang KARiSMA. Jawatankuasa ini turut terdiri dari 18 orang unit kesihatan uitm cawangan Negeri Sembilan. Jawatankuasa dibahagikan kepada 2 perkampungan utama iaitu perkampungan Seremban bertempat di Unit Kesihatan Seremban dan perkampungan Rembau bertempat di Unit Kesihatan Rembau. Bagi tujuan menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan khususnya pelajar dan atlet unit kesihatan memanangkan waktu operasi klinik sehingga ke waktu malam dan hujung minggu.

Unit kesihatan juga mengetuai jawatankuasa dan memimpin barisan sukarelawan perubatan yang terdiri dari 30 orang mahasiswa UiTM. Sukarelawan yang terpilih ini membantu paramedik bertugas di lapangan bagi siap siaga perubatan. Meninjau pula kepada tugas klinik adalah seperti rutin harian menerima pesakit bagi kes ringan, kecederaan sukan dan kes kecemasan. Pada masa yang sama Unit Kesihatan bersiap siaga (medical cover standby) di venue sukan yang bertempat di pelbagai lokasi dan 11 acara sukan sepanjang KARiSMA. Bagi memastikan kelancaran tugas jawatankuasa ini, Unit Kesihatan mendapat bantuan petugas paramedik yang terdiri daripada penolong pegawai perubatan, jururawat dan pemandu ambulan dari kampus cawangan yang turut membantu siap siaga di lapangan sewaktu KARiSMA berlangsung. Bantuan ini amat dihargai kerana mereka merentas negeri, meninggalkan rakan sepasukan di kampus cawangan masing-masing dan meninggalkan keluarga bagi membantu rakan seperjuangan.

Malah terdapat juga di kalangan mereka yang sanggup bekerja lebih masa tanpa ganjaran. Meninjau kepada perasaan paramedik dan sukarelawan Unit Kesihatan mereka meluahkan rasa kerisauan sepanjang sukan KARiSMA berlangsung manakala selepas tamatnya acara sukan KARiSMA mereka meluahkan rasa bersyukur dan bangga kerana semua tugas dapat dilaksanakan dengan baik serta segala masalah dapat diatasi dengan baik. Unit Kesihatan berasa bertuah kerana turut dapat bersama - sama membantu universiti dalam menjayakan suka KARiSMA dalam edisi kali ini.



Pasukan sukarelawan unit kesihatan yang berjiwa besar



# CERITA INSPIRATIF SUKARELA WAN KARISMA 2024

# DARI SUKARELAWAN MSSM KE KARISMA



Dahulu, Noor Nada Hazirah Binti Abdul Rahman atau lebih mesra dipanggil Nada, pernah menjadi sukarelawan di Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM). Sebagai anak Johor, pengalamannya di MSSM menarik minatnya untuk terlibat dalam KARISMA kali ini. Beliau, seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi di Fakulti Sains Gunaan, Kampus Kuala Pilah, sangat teruja dengan peluang untuk menimba ilmu dalam bidang yang berlainan.

Ditugaskan dalam bahagian fotografi dan dokumentasi, Nada mendapati pengalaman ini memperkuatkannya kemahiran fotografinya. Apabila ditanya mengapa dia mahu menjadi sukarelawan, Nada berkata, "Saya ingin mendapatkan pengalaman mengendalikan kejohanan besar di peringkat universiti. Negeri Sembilan menjadi tuan rumah, dan saya tidak boleh melepaskan peluang ini untuk menyumbang kepada kejayaan kejohanan ini." Menurutnya, menjadi sukarelawan adalah peluang keemasan untuk terlibat secara langsung dalam komuniti. "*Sukarelawan membantu komuniti menjayakan program yang memberi kebaikan sejagat. Dengan semangat sukarelawan, kita dapat memupuk sikap perpaduan dan bekerjasama,*" kata Nada.

Selain peluang yang diperoleh, Nada turut melihat peningkatan dalam kemahiran berkomunikasinya. "*Pencapaian saya sebagai sukarelawan KARISMA 2024 termasuk penambahbaikan dalam skil komunikasi dan kepimpinan, terutama sebagai ketua sukarelawan fotografi. Walaupun menghadapi cabaran menguruskan kumpulan fotografi pada awalnya, saya semakin mahir dengan bantuan ahli kumpulan yang lain,*" kongsinya.

# MINAT MENJADI SUKARELAWAN DIPUPUK SEJAK DARIPADA BANGKU SEKOLAH

Dalam usaha untuk menelusuri pengalaman sukarelawan dan motivasi di sebalik penyertaan sebagai sekretariat Jawatankuasa Sukarelawan Pelajar (JSP) bagi Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARISMA) 2024, ikuti temubual bersama Muhammad Faiq bin Yazid, seorang pelajar cemerlang daripada program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan di Fakulti Sains Sukan & Rekreasi, Kampus UiTM Seremban 3.

## PENGALAMAN SUKARELAWAN YANG MEMBINA

Faiq mula berkongsi pengalamannya sebagai sukarelawan dalam JSP. Sebagai ahli JSP, dia menyedari pentingnya terlibat dalam kegiatan sukarelawan untuk Karnival Sukan Mahasiswa sebegini. Beliau turut berkongsi pengalaman sebagai sukarelawan dalam acara sukan semasa zaman persekolahannya di Johor, memberikan asas yang kukuh untuk terlibat dalam kegiatan serupa di peringkat universiti.



## MOTIVASI & HASRAT SEBAGAI SEKRETARIAT JSP

Dalam merangka hasrat dan motivasinya, Faiq memberikan penekanan kepada sokongan daripada dirinya sendiri, rakan-rakan, dan pihak unit sukan di UiTM. Dia melihat penyertaan sebagai satu peluang untuk mendapatkan pengalaman baru di peringkat universiti dan turut berbangga menjadi tuan rumah bagi UiTM Negeri Sembilan.

Faiq menekankan keinginannya untuk membantu dengan sepenuh hati dalam segala tugas yang diberikan. Antara pencapaian utamanya adalah menimba ilmu dan pengalaman serta memperluaskan rangkaian kenalan. Walaupun menghadapi cabaran berurus dengan orang ramai dan pengurusan masa, dia meyakinkan bahawa kemahiran rundingan dan kerjasama dengan pelbagai pihak telah membantunya mengatasi halangan tersebut.

## IMPAK DI KOMUNITI: SUKARELAWAN DENGAN SIFAT MURNI

Berbicara tentang impak di komuniti, Faiq menyatakan bahawa melalui aktiviti sukarelawan, individu dapat memberi tanpa mengharapkan balasan. Beliau menyatakan bahawa sikap murni, tanpa rasis atau perkauman, memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi dan ketrampilan individu.

Faiq mempercayai bahawa melalui kesukarelawan, seseorang dapat menyalurkan idea dan tenaga untuk membantu masyarakat. Semangat kerjasama, komunikasi yang baik, dan kemahiran memimpin pasukan adalah nilai murni yang disemai melalui penglibatan dalam kegiatan sukarelawan seperti Karnival Sukan Mahasiswa UiTM.

Dengan semangat dan hasratnya yang jelas, Muhammad Faiq bin Yazid pastinya akan menjadi aset yang berharga sebagai sekretariat JSP dalam menjayakan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARISMA) 2024. Semoga penyertaan dan pengalaman sukarelawan ini memberikan inspirasi kepada yang lain untuk turut terlibat dalam kegiatan sukarelawan yang bermakna.

# DEDIKASI SEORANG SUKARELAWAN



Muhammad Zakwan bin Zuhkri, seorang mahasiswa dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (SR243) dan menetap di negeri Pahang, berkongsi pengalamannya serta pandangan mengenai penglibatan sebagai sukarelawan dalam acara Karisma 2024.

Sebelum menyertai acara ini, Zakwan telah terlibat dalam aktiviti sukarelawan pasca banjir, menyumbang tenaga untuk membantu masyarakat yang terjejas. Bagi Zakwan, pengalaman ini mengukuhkan komitmen untuk terus memberi sumbangan kepada masyarakat dan menjadi sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti hidup orang lain. Beliau menekankan, "Saya percaya bahawa setiap tindakan sukarelawan, walaupun kecil, dapat memberi impak yang besar kepada komuniti."

Momen yang memberikan kesan besar kepada Zakwan adalah ketika terlibat dalam aktiviti sukarelawan dalam sukan tenis. Beliau menyaksikan bagaimana sukan tenis membantu dalam pembangunan keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi, dan semangat kerjasama di antara peserta. Zakwan berkongsi, "Hal ini memberikan inspirasi kepada saya untuk terus terlibat dalam menyokong dan mempromosikan sukan sebagai alat pembangunan komuniti."

Zakwan mendedikasikan diri sebagai sukarelawan atas dorongan untuk membantu mereka yang memerlukan dan menyokong pembangunan masyarakat yang lebih baik. Beliau menyatakan, "*Hasrat saya untuk melibatkan diri secara sukarela adalah untuk memberi kembali kepada masyarakat dan menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik untuk semua.*"

Melihat peranan sukarelawan dalam membantu komuniti, Zakwan melihat mereka sebagai agen perubahan yang mampu memberikan impak positif melalui tindakan yang sederhana namun bermakna.

Sebagai sukarelawan dalam acara Karisma 2024, Zakwan menganggap pencapaian terbesarnya ialah melihat kesan positif yang dihasilkan dalam kehidupan orang lain dan masyarakat secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, seperti semua sukarelawan, beliau menghadapi cabaran dalam aktivitinya. Cabaran tersebut termasuk menguruskan masa dengan cekap, menangani situasi yang mencabar dengan sabar, dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat. Zakwan berpendapat, "*Walaupun ada cabaran, saya sentiasa cuba untuk menjadikan mereka sebagai peluang untuk belajar dan berkembang*" - ulas Zakwan.

# DARI SABAH KE NEGERI SEMBILAN: MENYEMAI SEMANGAT SUKARELAWAN



Dalam setiap acara besar, semangat sukarelawanisme memainkan peranan penting dalam menyatukan komuniti dan menjayakan setiap inisiatif. Dalam Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARiSMA) 2024, Yusnita Binti Tamim daripada Program CS248 di Fakulti KPPIM, UiTM Kampus Seremban 3, adalah salah seorang daripada sukarelawan yang bersemangat dalam memberikan sumbangan kepada kejayaan acara ini.

## Mula Terlibat: Langkah Pertama Menjadi Sukarelawan

Penglibatan Yusnita sebagai sukarelawan dalam KARiSMA 2024 bermula apabila kampusnya dipilih sebagai tuan rumah untuk acara tersebut. Keinginan untuk memberi sumbangan dan menjadi sebahagian daripada program yang bermanfaat kepada pelajar UiTM lain telah mendorongnya untuk mula terlibat.

Sebagai pengalaman sukarelawan pertamanya, Yusnita mengakui bahawa cabaran tidak terelakkan. Namun, beliau melihat cabaran tersebut sebagai peluang untuk belajar dan berkembang. Salah satu momen yang memberikan kesan besar adalah ketika beliau belajar untuk berkomunikasi dengan berkesan dengan semua individu yang terlibat.

"Bermula sebagai sukarelawan dalam KARiSMA 2024 adalah satu pengalaman yang memotivasi saya. Saya ingin memastikan bahawa program ini berjalan lancar dan memberi impak positif kepada komuniti," ujar Yusnita.

## Impak Positif dan Harapan untuk Masa Depan

Hasrat Yusnita untuk menjadi sukarelawan adalah untuk menimba ilmu dan pengalaman baru dalam bidang sukarelawan. Beliau percaya bahawa dengan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehnya, beliau dapat memberi sumbangan yang lebih baik di masa depan.

*"Saya percaya sukarelawan memiliki peranan yang besar dalam membawa perubahan positif dalam komuniti. Kita dapat memberi sumbangan tanpa mengira besar atau kecilnya tugas yang kita lakukan,"* kata Yusnita.

Melalui penglibatan dalam KARiSMA 2024, Yusnita melihat impak positif yang dibawa oleh sukarelawan kepada komuniti. Program-program yang dijalankan berjalan lancar tanpa masalah yang tidak diingini, dan masyarakat memberikan kerjasama sepenuhnya.

*"Saya melihat bahawa kehadiran sukarelawan memberikan keyakinan kepada masyarakat. Mereka lebih bersemangat untuk menyertai program-program komuniti,"* kata Yusnita.

## Meneruskan Perjalanan: Rencana Masa Depan Sebagai Sukarelawan

Untuk masa depan, Yusnita merancang untuk terlibat dalam lebih banyak lagi aktiviti sukarelawan bagi memperoleh pengalaman yang lebih banyak lagi. Beliau berharap dapat terus memberi sumbangan positif kepada masyarakat melalui peranan sebagai sukarelawan.

Dengan semangat yang berkobar dan kesungguhan untuk terus berkhidmat, Yusnita Binti Tamim menunjukkan bahawa setiap individu mempunyai peranan penting dalam membentuk masa depan yang lebih baik melalui sukarelawanisme.

# MELANGKAH DENGAN KEIKHLASAN: KISAH PENGALAMAN SUKARELAWAN

Dalam dunia sukarelawanisme, setiap individu membawa pengalaman dan cerita unik mereka. Muhamad Syafiq Bin Jamaludin, seorang sukarelawan dari Program SR243 di Fakulti Sains Sukan, Kampus Seremban, adalah salah seorang yang terlibat dalam bidang tugas Acara Perasmian dan Penutup di Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARiSMA) 2024.

Muhamad Syafiq bermula tanpa pengalaman sukarelawan sebelumnya, namun keinginannya untuk melibatkan diri dalam mengendalikan program dan bekerja dalam kumpulan mendorongnya untuk merangkul peranannya sebagai sukarelawan. Beliau melihat kesempatan ini sebagai platform untuk membentuk pengalaman baru dan memberikan sumbangan positif kepada komuniti.

Momen yang memberikan impak besar dalam pengalaman Syafiq adalah ketika beliau dan pasukannya diarahkan untuk mengendalikan majlis perasmian KARiSMA 2024 yang dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan sendiri. Momen ini tidak hanya menjadi kenangan berharga dalam hidupnya, tetapi juga menyemai rasa tanggungjawab yang besar dalam menjayakan majlis dan seluruh Karnival.

*"Momen ini akan diingati sampai bila-bila kerana merupakan satu majlis dan acara yang sangat bermakna dalam hidup saya. Dapat bekerjasama untuk menjayakan majlis dan juga Karisma 2024 adalah satu kebanggaan,"* kongsinya dengan penuh semangat.

Syafiq juga memberikan pandangan tentang impak positif yang dibawa oleh sukarelawan dalam komuniti. Baginya, sukarelawan yang bekerja dengan ikhlas dan tanpa mengharapkan ganjaran akan mencipta perubahan positif.

*"Sukarelawan yang bekerja bukan sekadar mengejar token atau nama tetapi mereka bekerja dengan sukarela dan mengikhlaskan diri mereka untuk menjayakan sesuatu. Oleh itu, jika tabiat ini dibawa ke komuniti, ia akan menyebabkan masyarakat menghargai kita,"* katanya.



## **Perubahan dalam Pandangan Masyarakat**

Masyarakat yang memberikan respon positif dan menghormati sukarelawan merupakan gambaran yang dilihat oleh Syafiq. Beliau berpendapat bahawa sikap positif sukarelawan akan memberikan inspirasi kepada masyarakat serta Pembangunan komuniti masyarakat setempat.

*"Masyarakat akan memandang usaha yang sukarelawan lakukan. Banyak sukarelawan yang bertungkus lumus untuk menjayakan sesuatu program, dan masyarakat sepatutnya menghargai mereka dari awal hingga akhir program," jelasnya.*

*Bagi Syafiq, peranan sukarelawan dalam pembangunan masyarakat adalah sangat penting. Beliau melihat sukarelawan sebagai tonggak kehidupan yang membantu membentuk rakyat yang bekerja dan berkhidmat tanpa mengira ganjaran.*

*"Keikhlasan dan bersungguh-sungguh adalah kunci utama dalam sukarelawanisme. Kita harus ikhlas dalam bekerja, dan jika kita bersungguh-sungguh, hasil yang kita perolehi akan memuaskan," ujarnya.*

Dalam rencana untuk masa depannya sebagai sukarelawan, Syafiq merancang untuk mengadakan program sukarelawan yang melibatkan penyelamatan haiwan terbiar. Baginya, usaha ini adalah untuk membantu haiwan yang memerlukan bantuan, terutama kucing dan anjing terbiar.

*"Saya berharap masyarakat akan memandang usaha sukarelawan dengan mata yang betul. Jangan hanya melihat kesalahan, tetapi hargailah kebaikan mereka. Sukarelawan melakukan sesuatu dengan sepenuh hati, dan ini seharusnya dihargai," pesannya.*

## **Tukar Penat kepada Kejayaan: Nasihat Akhir untuk Bakal Sukarelawan**

Bagi individu yang berminat untuk menjadi sukarelawan, Syafiq memberikan nasihat yang berharga. Keikhlasan dan bersungguh-sungguh adalah kunci kejayaan, dan merungut tentang kepenatan hanya akan mengurangkan semangat sukarelawan lain. Beliau menegaskan pentingnya tukar penat kepada kejayaan dan hasil yang membanggakan.

*"Jika tiada keikhlasan dan bersungguh-sungguh, sukarelawan akan berasa sangat penat dan juga akan selalu mengeluh ketika melakukan tugas. Kurangkan bercakap penat dan mengeluh, tukarkan penat kepada hasil yang membanggakan," nasihatnya.*

Muhamad Syafiq Bin Jamaludin telah membuktikan bahawa melalui sukarelawanisme, setiap individu dapat membawa perubahan positif kepada komuniti dan masyarakat. Kesungguhan, keikhlasan, dan semangat tanpa mengharapkan ganjaran adalah kunci utama yang membimbingnya dalam menyumbang kepada kejayaan acara Karisma 2024 dan projek sukarelawan masa depannya.

# KOMANDER & SUKARELAWAN SUKAN DI KARISMA



Dalam kepelbagaian sukarelawan di Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARISSMA) 2024, Muhamad Lutfan Bin Asmawi, seorang sukarelawan di bidang bola keranjang, membawa pengalaman dan pandangan yang unik dari Terengganu. Sebagai pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Kampus Seremban, Lutfan telah menjalani pengalaman yang memenuhi hasratnya untuk memberi sumbangan melalui aktiviti sukarelawan sukan.

## Pengalaman Berharga Sejak Komander

Lutfan memulakan penglibatan sebagai sukarelawan dalam acara Karisma 2024 sebagai salah satu anggota komander. Beliau turut berkongsi pengalaman sukarelawan sebelumnya yang membawanya ke acara ini, iaitu terlibat dalam sukarelawan bencana banjir di Johor pada tahun 2023. Bagi Lutfan, pengalaman ini memberikan pemahaman mendalam mengenai keperluan dan kesukaran yang dihadapi oleh mangsa bencana.

*"Pengalaman terlibat dalam sukarelawan bencana banjir di Johor sangat memberikan impak besar. Bagi kita mungkin ini hanya kerja pembersihan, tetapi bagi mereka, ia adalah bantuan yang sangat diperlukan," katanya.*

Motivasi Lutfan untuk menjadi sukarelawan dalam acara ini datang daripada rakan-rakan sebaya yang juga menjadi sukarelawan. Beliau turut mendapat dorongan daripada rakan yang pernah menjadi sukarelawan bagi acara Sukma dan akan turut serta dalam Sukma 2024. Rasa kebersamaan dalam aktiviti sukarelawanisme mendorongnya untuk terus berkhidmat.

*"Rakan-rakan yang menjadi tulang belakang saya turut menjadi sukarelawan bagi Karisma 2024. Ini menjadi satu dorongan besar untuk saya turut serta. Jika mereka boleh berkhidmat, kenapa tidak saya juga?" ujarnya.*

## Sukarelawan sebagai Pemangkin Pembangunan Komuniti

Bagi Lutfan, peranan sukarelawan dalam membantu komuniti adalah luar biasa. Mereka bukan sahaja menyumbang masa dan tenaga, tetapi juga membina ikatan sosial, memperkuuhkan kepercayaan, dan mewujudkan persekitaran yang lebih bersatu.

"Sukarelawan tidak hanya membantu dalam segi fizikal tetapi juga membentuk kekuatan sosial. Keikhlasan dan semangat sukarelawan adalah pemangkin pembangunan komuniti," katanya. Lutfan berkongsi bahawa peranannya sebagai komander tidak terlepas dari abaran, terutama dari segi kesihatan dan mental. Pencapaian terbesarnya sebagai sukarelawan dalam acara Karisma 2024 adalah kemampuannya untuk mengatur anggota kumpulan dengan baik.

"Tugas sebagai komander bukanlah perkara mudah. Cabaran dari segi kesihatan dan mental sering hadir. Namun, saya bangga dapat mengatur anggota kumpulan dengan baik," ujarnya. Lutfan melihat impak positif yang telah dibuat oleh sukarelawan dalam komuniti melalui sokongan yang diterima daripada masyarakat. Respon dan pengiktirafan dalam bentuk serifikat dan penghargaan adalah tanda kesan positif hasil daripada aktiviti sukarelawan.\

"Melihat sokongan yang diberikan oleh masyarakat dan pihak berkepentingan adalah bukti terbaik bahawa usaha sukarelawan dihargai. Ini memberikan motivasi untuk terus berkhidmat," katanya.

### **Melihat ke Masa Depan: Rancangan dan Harapan**

Lutfan menyaksikan perubahan dalam komuniti setelah terlibat sebagai sukarelawan, terutama melalui aktiviti sukarelawan seperti program pembangunan pendidikan, penjagaan kesihatan, atau bantuan ekonomi. Beliau berharap sukarelawan dapat terus mencari penyelesaian untuk masalah-masalah yang dihadapi oleh komuniti.

"Melalui aktiviti sukarelawan, kita dapat membantu meningkatkan kualiti hidup individu dan keluarga dalam komuniti. Saya harap usaha sukarelawan dapat memberi impak positif yang berkekalan," ujarnya.

Untuk masa depan, Lutfan merancang untuk menjadi sukarelawan bagi acara peringkat dunia. Beliau juga berharap dapat terus memberi sumbangan melalui sukarelawanisme, menyediakan sokongan dan maklumat kepada individu dan komuniti yang memerlukan.

"Saya bercita-cita untuk menjadi sukarelawan bagi acara peringkat dunia. Melalui penglibatan ini, saya harap dapat memberi sumbangan yang lebih besar. Terus memberi sokongan dan berkongsi maklumat adalah cara saya untuk berkhidmat kepada masyarakat," katanya.

Dengan pengalaman yang kaya, Lutfan memberikan nasihat berharga kepada individu yang berminat menjadi sukarelawan, iaitu sentiasa bersedia untuk belajar.

"Sukarelawanisme bukan hanya tentang memberi, tetapi juga tentang pembelajaran. Sentiasa bersedia untuk belajar dan terbuka untuk pengalaman baru. Itulah kunci utama untuk menjadi sukarelawan yang berkesan," pesannya.

# PENGALAMAN SUKARELAWAN YANG MEMBENTUK IDENTITI



Dalam sorotan penuh semangat dan dedikasi, Muhamad Naufael Bin Mohd Nazri, seorang sukarelawan dalam bidang catur dari Kuala Kangsar, Perak, berkongsi pengalamannya dalam Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARISSMA) 2024. Pelajar Program BA111 di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Rembau, Naufael membawa bersama pengalaman sukarelawanisme yang berharga.

Naufael mula terlibat dalam sukarelawan KARISSMA 2024 selepas mendengar khabar tentang acara tersebut yang bakal berlangsung di Negeri Sembilan. Keinginannya untuk mendapatkan pengalaman baru, pengetahuan, dan berkongsi kenalan di seluruh Malaysia mendorongnya mendaftar sebagai sukarelawan bagi kali pertama.

Beliau pernah menjadi sukarelawan dalam aktiviti awam seperti bergotong-royong, membantu asnaf, dan menyertai usaha membersih kawasan banjir. Namun, penglibatan dalam KARISSMA 2024 membawa keunikan tersendiri ke dalam pengalaman sukarelawanisme Naufael.

"Momen tertentu yang memberikan impak besar kepada saya adalah mengendalikan urusan besar dan berkerjasama dengan pihak korporat. Ini memberikan saya pengalaman dalam menguruskan sesuatu dengan penuh profesionalisme," katanya.

## **Dorongan dan Hasrat: Membawa Perubahan Positif**

Naufael berkongsi bahawa keinginannya untuk menjadi sukarelawan dalam acara ini didorong oleh keinginan untuk melihat perubahan positif dalam masyarakat. Tanggungjawab sosial menjadi satu faktor utama yang mendorongnya untuk bersedia menjadi sebahagian daripada proses pembentukan masyarakat yang lebih komited dan berkeperanan tinggi.

*"Saya ingin menjadi seorang yang mampu menguruskan tugas di peringkat yang lebih tinggi, memimpin, dan belajar berkomunikasi serta berinteraksi dengan pihak luar. Sukarelawan adalah tulang belakang komuniti dan perubahan positif,"* katanya.

Sebagai sukarelawan KARISSMA 2024, Naufael mencapai kejayaan besar dalam menjayakan arahan yang diberikan dan mengawal situasi dengan cemerlang. Beliau turut menghadapi cabaran dengan bijak, mengawal emosi dan menyelesaikan masalah dengan profesional.

*"Pencapaian terbesar saya adalah berjaya menjayakan sesuatu arahan dan memimpin dengan berkesan. Saya menghadapi cabaran dengan mengawal emosi dan menjalani keputusan dengan penuh profesional,"* katanya dengan bangga.

Naufael melihat bahawa sukarelawan mampu mengubah pandangan masyarakat terhadap layanan yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Kesedaran terhadap tenaga sukarelawan dan peranannya yang penting membina kesatuan dalam komuniti, tanpa mengira faktor kaum, bangsa, dan agama.

*"Sukarelawan bukan sahaja memberi bantuan fizikal, tetapi juga membawa kesatuan dalam masyarakat. Respons positif masyarakat terhadap aktiviti sukarelawan mencerminkan penghargaan dan kepuasan terhadap sumbangan yang diberikan," katanya.*

### **Pandangan Mendalam tentang Sukarelawan**

Menurut Naufael, sukarelawan membantu memperkuatkan hubungan sosial dalam masyarakat, menyediakan sokongan emosional, dan menjadi agen perubahan positif melalui pelbagai program pendidikan dan kesedaran. Kemahiran seperti kesabaran, sikap terbuka terhadap perbezaan budaya, dan hormat terhadap hak serta martabat individu merupakan aspek penting dalam sukarelawanisme.

*"Saya harap dapat membina rangkaian dalam masyarakat melalui penglibatan dalam KARiSMA 2024. Sukarelawan bukan sahaja membantu, tetapi juga membawa perubahan positif dalam masyarakat," ujarnya.*

Naufael berharap dapat terus menjadi sukarelawan, khususnya dalam bidang sukan yang lebih tinggi. Beliau bercadang untuk terus mengikuti perkembangan semasa melalui pelbagai platform media dan menaruh harapan tinggi dalam mendidik diri serta mendapatkan pengalaman baru dalam setiap pelajaran sebagai sukarelawan.

Wawancara dengan Naufael membuka mata kita kepada keunikan pengalaman dan pemikiran seorang sukarelawan yang bersedia memberi sumbangan kepada masyarakat melalui perkhidmatan sukarelawanisme. Naufael membuktikan bahawa melalui keikhlasan dan semangat sukarelawan, kita mampu membentuk perubahan positif dalam masyarakat.

# MENJEJAK PENGALAMAN SUKARELAWAN DALAM KARISMA 2024



Dalam Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARISSMA) 2024 telah melahirkan sukarelawan dari pelbagai bidang yang memberikan impak besar kepada para pelajar. Salah seorang sukarelawan cemerlang yang berperanan dalam sukan badminton adalah Zulqarnain Bin Wahid iaitu seorang pelajar Program Diploma Teknologi Makanan di Fakulti Sains Gunaan, Kampus Kuala Pilah. Melalui wawancara, Zulqarnain berkongsi pengalaman dan pandangannya mengenai sukarelawanisme.

Zulqarnain mula terlibat dalam acara Karisma 2024 melalui Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP). Jawatankuasa ini memberi peluang kepada Zulqarnain dan rakan-rakan sejawatnya untuk melibatkan diri sebagai sukarelawan. Sebagai pemain badminton yang berpengalaman, Zulqarnain juga berkongsi pengalaman sukarelawan sebelumnya, termasuk penyertaan dalam Spartan Stadion Dan L'etape Johor By Tour De France.

"Saya mula terlibat kerana saya dibawah Jawatankuasa Sukan Pelajar atau lebih dikenali sebagai JSP. JSP diberi peluang untuk membantu sebagai sukarelawan untuk KARISSMA kali ini," katanya. Apa yang mendorong Zulqarnain untuk menjadi sukarelawan dalam KARISSMA 2024? Menurutnya, keinginan untuk memberikan khidmat kepada UiTM Cawangan Seremban serta menambah ilmu melalui pengalaman dan kemahiran sosial adalah faktor pendorong utama. Selain itu, sebagai pelajar dari Kampus Kuala Pilah, Zulqarnain merasakan tanggungjawab untuk menyumbangkan tenaga kepada kejohanan yang diadakan oleh UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

"Saya ingin memberikan khidmat kepada pihak UiTM Cawangan Seremban serta menambah ilmu dari sedut pengalaman berbentuk kemahiran kompetensi sosial," ungkapnya. Zulqarnain melihat peranan sukarelawan sebagai pemangkin gerakan holistik dalam menjalankan tugas yang diberikan. Dalam konteks KARISSMA 2024, dia percaya sukarelawan dapat melancarkan segala urusan secara berkesan dan menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi.

Melalui sukarelawan, kita dapat melancarkan gerak kerja secara holistik dan menjalankan tugas yang diamanahkan. Ini membantu dalam memastikan segala urusan berjalan lancar," katanya.

Cabaran dan Kejayaan dalam Sukan Badminton.

Sebagai sukarelawan badminton, Zulqarnain menghadapi cabaran ketika menjadi linesman. Cabaran ini terutama berkaitan dengan keputusan yang kadang-kadang tidak selari dengan pandangan atau kehendak pemain. Bagaimanapun, Zulqarnain menganggapnya sebagai satu cabaran yang boleh diatasi.

*"Saya mendapat cabaran ketika menjadi linesman badminton. Ini kerana kadang-kadang keputusan saya tidak selari dengan kehendak atau pandangan pemain. Tetapi, ini adalah cabaran biasa dalam sukan,"* katanya.

Sebagai pencapaian terbesar, Zulqarnain terpilih menjadi sukarelawan KARiSMA UiTM kali ke-29 di antara pelajar yang memohon untuk terlibat. Beliau memandang pencapaian ini sebagai pengiktirafan terhadap kebolehan dan komitmennya dalam menyumbang kepada acara.

*"Saya terpilih menjadi sukarelawan KARiSMA UiTM kali ke-29 di antara pelajar yang memohon untuk terlibat. Ini adalah satu pengiktirafan dan kehormatan bagi saya,"* katanya.

Melangkah dengan Komitmen dan Dedikasi dalam Sukarelawanisme

Dalam menghadapi cabaran dan menjayakan aktiviti sukarelawan, Zulqarnain menekankan keperluan untuk melaksanakan tugas secara berpasukan dan menguruskan arahan dengan baik. Baginya, komunikasi dua hala dan kerjasama yang baik adalah kunci kejayaan.

*"Melaksanakan tugas secara berpasukan dengan menguruskan segala arahan dan cabaran yang diberikan mengikut masa yang ditetapkan. Komunikasi dua hala dan kerjasama adalah penting,"* katanya.

Zulqarnain melihat impak positif yang telah dibuat oleh sukarelawan dalam komuniti, terutama melalui sokongan yang diberikan kepada pelbagai program dan urusan. Respons positif dan pujian daripada komuniti adalah bukti jelas kesan positif hasil daripada aktiviti sukarelawan.

*"Sukarelawan banyak membantu melancarkan serta memudahkan sesuatu program atau urusan. Sekaligus dapat menarik perhatian komuniti dan masyarakat lain untuk mencari peluang menjadi seorang sukarelawan,"* ungkapnya.

Zulqarnain melihat sukarelawanisme sebagai perbuatan yang memberikan bantuan dari segi rohani dan fizikal tanpa mengharapkan imbuhan. Baginya, menjadi sukarelawan bukan sahaja tentang memberi, tetapi juga pembelajaran dan pembinaan hubungan sosial.

Sukarelawanisme adalah perbuatan yang ingin membantu orang dari pelbagai aspek rohani dan fizikal tanpa mengharapkan imbuhan. Saya ingin bertemu dan berinteraksi dengan orang-orang baru dari berbagai latar belakang. Melalui sukarelawan, saya dapat berkenalan dan menjalankan hubungan dengan pelbagai pihak.



# GALERI SUKARELAWAN



BADMINTON



BASIKAL



BOLA BALING



BOLA JARING



BOLA  
KERANJANG



BOLA TAMPAR



J/K PERASMIAN  
& PENUTUP



J/K HADIAH



CATUR



PETANQUE



PING PONG



SEPAK TAKRAW



TENNIS



NADI SUKARELAWAN

e ISBN 978-629-99383-2-3



9 7 8 6 2 9 9 9 3 8 3 2 3

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
(online)